



"SESUNGGUHNYA orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Zumar, ayat 9.

## PPDB BERPERANAN MENJAGA, MEMELIHARA KEDAULATAN, KESELAMATAN RAKYAT



Oleh : Khartini Hamir

GADONG, Sabtu, 18 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah penganugerahan Panji-Panji Peribadi ini mempunyai signifikannya tersendiri.

"Ia bukan sekadar lambang atau hiasan semata-mata tetapi membawa makna yang amat mendalam yang mencerminkan betapa tinggi amanat dan kepercayaan beta terhadap Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

>> Muka 5

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Upacara Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.  
- Foto : Mohammad Hasif Matzin.

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**

## Berita Utama



JADIKAN hidup semata-mata mencari reda-Nya

Muka 11



PENDUDUK undi Ketua Kampung Kawasan 1, RPN Lambak Kanan baru

Muka 18



KURSUS bantu jemaah laksanakan haji dengan teratur, sempurna

Muka 20



MEMPERKASA diri melalui kreativiti jahitan

Muka 21

Hafaz,  
rasai,  
nikmati  
kehebatan,  
keagungan  
Al-Quran

Oleh : Nurul Rasyidah  
Mohamad Rosland

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Januari. - Menjadi seorang hafiz atau hafizah adalah satu anugerah yang istimewa daripada Allah Subhanahu Wata'ala namun sudah semestinya, ia juga amanah yang besar.

Oleh itu, para pelajar adalah anak-anak yang terpilih untuk memikul, menjaga dan memartabatkan Al-Quran dan penting bagi mereka untuk sentiasa istiqamah dan rajin kerana ia adalah kunci segala kejayaan.

>> Muka 16

## ADGMIN Ke-5 : Pastikan akses teknologi saksama

Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BANGKOK, THAILAND, Sabtu, 18 Januari. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku wakil Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Digital ASEAN Ke-5 (ADGMIN) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan, yang diadakan pada 16 hingga 17 Januari 2025 di Bangkok, Thailand, baru-baru ini.

Mesyuarat ADGMIN Ke-5 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan telah dirasmikan secara rasmi oleh Perdana Menteri Thailand, Puan Yang Terutama

Paetongtarn Shinawatra dan dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Ekonomi Digital dan Masyarakat Thailand, Tuan Yang Terutama Prasert Jantararuangtong selaku Pengurus ADGMIN.

Di bawah tema 'Selamat, Inovatif, Inklusif : Membentuk Masa Depan Digital ASEAN', perbincangan menumpukan kepada usaha mewujudkan persekitaran digital yang selamat, memajukan teknologi baharu dan memastikan akses kepada teknologi yang saksama di seluruh rantau ini.

>> Muka 11

## Jangan biarkan agama layu, siramkan diri dengan 'air amal'

Siaran Akhbar : Jabatan Mufti Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Januari. - Para mahasiswa dan mahasiswi adalah suluh bangsa dan negara, bahkan suluh kepada diri mereka sendiri. Mereka adalah pembawa suluh iaitu ilmu sama ada ilmu dunia dan ilmu akhirat.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika menyampaikan ucapan nasihat semasa

Program Pendidikan Penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam (NBD) di Australia, New Zealand dan Malaysia yang sedang bercuti bertempat di Jabatan Mufti Kerajaan, hari ini.

"Itulah pelajar, pembawa suluh. Apakah suluh yang dibawa oleh mereka itu? Jawabnya ilmu. Ya, ilmu adalah suluh. Sama ada ilmu dunia dan ilmu akhirat. Para pelajar perlu memiliki kedua-dua ilmu ini.

>> Muka 12

# Sambutan Hari Kebangsaan cerminkan aspirasi negara, semangat cintakan tanah air

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen  
Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafil  
Anbiyaie Mursalin  
Saidina Muhammadiin Wa'ala  
Alihi Wasahbihi Ajma'in  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

**A**LHAMDULILLAH, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, kita dapat berkumpul dalam Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025.

Peramba / kaola / saya merakamkan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan ribuan terima kasih atas kehadiran Yang Berhormat Menteri-menteri, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri; Yang Mulia Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; Yang Mulia Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Yang Mulia Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Yang Mulia pengiran-pengiran; Yang Mulia dato-dato; datin; tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini.

Dalam kesempatan ini, peramba / kaola / saya bagi pihak Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-41, Tahun 2025, dengan penuh hormat dan takzim sukacita merakamkan penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa yang terus memberikan komitmen dalam memastikan segala perancangan dan persediaan Sambutan Hari Kebangsaan tahun ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-41, Tahun 2025 ini merupakan salah satu acara penting dalam kalender negara, dan ia menjadi platform untuk kita menyampaikan mesej kesatuan, kekuatan dan semangat kenegaraan kepada seluruh rakyat NBD. Oleh itu, perancangan dan pelaksanaan sambutan ini memerlukan usaha dan perhatian yang teliti agar ia dapat meninggalkan impak positif kepada negara dan rakyat.

Dalam mesyuarat ini, kita akan membincangkan beberapa perkara penting yang telah dirangka oleh jawatankuasa kerja, termasuk pemilihan logo, yang merupakan elemen penting dalam menyampaikan mesej visual Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-41, Tahun 2025. Perkara-perkara lain juga akan dibincangkan untuk memastikan segala persediaan, dari segi logistik, atur cara, serta penyelarasan pelbagai pihak supaya dapat disempurnakan dengan baik.

Peramba / kaola / saya juga ingin meneckan bahawa peranan komunikasi dan promosi amat penting dalam sambutan ini. Kita harus sama-sama memastikan maklumat mengenai sambutan dapat disampaikan dengan jelas dan berkesan kepada semua lapisan masyarakat. Ini termasuk memanfaatkan platform digital dan media sosial untuk menarik perhatian golongan muda, serta memperkuatkan kerjasama dengan pihak media untuk meluaskan capaian mesej yang ingin disampaikan.

Satu lagi aspek yang peramba / kaola / saya harapkan dapat diberi perhatian ialah aspek penyertaan komuniti. Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-41, Tahun 2025 tidak akan bermakna tanpa penglibatan

aktif rakyat dan penduduk di negara ini khususnya generasi muda *kitani*. Oleh itu, kita perlu merangka persembahan yang dapat menarik minat semua peringkat umur dan latar belakang untuk bersama-sama merayakan detik bersejarah ini.

Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-41 ini bukan sekadar acara tahunan, tetapi satu manifestasi perpaduan dan semangat patriotisme rakyat NBD. Oleh itu, adalah penting bagi kita untuk memastikan sambutan kali ini mencerminkan aspirasi negara dan semangat cintakan tanah air yang kita kongsi bersama.

Masa yang semakin singkat memerlukan kita semua bergerak secara efektif dan fokus kepada matlamat bersama. Peramba / kaola / saya yakin bahawa dengan kerjasama erat dan semangat muafakat yang telah ditunjukkan oleh semua ahli jawatankuasa, kita akan dapat melaksanakan tanggungjawab ini dengan penuh dedikasi. Peramba / kaola / saya berharap setiap perbincangan hari ini akan menghasilkan keputusan yang terbaik demi menjayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-41, Tahun 2025.

Sebelum peramba / kaola / saya mengakhiri ucapan ini, peramba / kaola / saya bagi pihak Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-41, Tahun 2025, dengan penuh hormat dan takzim sukacita merakamkan penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa kerana memberikan sokongan. Marilah kita sama-sama memastikan sambutan tahun ini menjadi satu acara yang bermakna dan berimpak tinggi kepada seluruh rakyat dan penduduk NBD. Didoakan agar Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa mengurniakan petunjuk dan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad berucap pada Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada Selasa, 14 Januari 2025.

rahmat-Nya dalam usaha kita ke arah kelancaran persediaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-41, Tahun 2025. Amin Ya Rabbal Alamin.

Sekali lagi, peramba / kaola / saya sukacita merakamkan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan ribuan terima kasih di atas keberangkatan dan kehadiran Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi ke mesyuarat hari ini.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah. Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## WAKTU SEMBAHYANG

JANUARI MASIHI	HARI	REJAB HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
20	ISNIN	20	5.03	5.13	6.35	6.59	12.32	3.54	6.28	7.41
21	SELASA	21	5.03	5.13	6.35	6.59	12.33	3.54	6.28	7.41
22	RABU	22	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.54	6.28	7.41
23	KHAMIS	23	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
24	JUMAAT	24	5.04	5.14	6.36	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
25	SABTU	25	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.29	7.42
26	AHAD	26	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan		
31 °C	30 °C	31 °C
Pekan Bangar		
31 °C	30 °C	31 °C
Pekan Tutong		
30 °C	29 °C	30 °C
Kuala Belait		
29 °C	28 °C	30 °C
WallahuAlam Bissawab	www.met.gov.bn	
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# KEBAWAH DYMM BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SANTAP BERADAT



**GADONG**, Sabtu, 18 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Beradat sempena Upacara Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam bertempat di Dewan Bankuet Mes, Kompleks Ibu Pejabat Polis Gadong, malam tadi.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Komandan Polis Wanita.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), DCP Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin.

Turut menjunjung keberangkatan baginda ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji



**KEBERANGKATAN** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Santap Beradat sempena Upacara Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Komandan Polis Wanita (atas dan kiri).

Oleh. : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin

Halbi bin Haji Mohd. Yusof dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew Kewangan dan Ekonomi II, bin Abdullah. >> Muka 4



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah (kanan), manakala gambar kiri, baginda dijunjung menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan.



TURUT hadir, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (atas), manakala gambar kanan, Panji-Panji Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) diarak masuk ke dalam Dewan Bankuet dengan irungan muzik Serunai dan Tambur.



&gt;&gt; Muka 3

Sejurus berangkat tiba, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung untuk menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan di Ruang Legar Dewan Bankuet dan seterusnya beramah mesra bersama pegawai-pegawai baharu PPDB.

Lagu kebangsaan dimainkan sejurus keberangkatan masuk ke Dewan Bankuet

Mes dan Panji-Panji PPDB diarak masuk ke dalam Dewan Bankuet dengan irungan muzik Serunai dan Tambur.

Sebelum majlis dimulakan, bacaan Doa Selamat oleh Pengerusi Badan Ugama Islam (BUI) PPDB, Timbalan Penguasa Polis, Aimi Safwan bin Zalidin. Majlis Santap Beradat diserikan dengan irungan muzik yang dimainkan oleh Pancaragam PPDB.

Selesai Majlis Santap, Panji-Panji PPDB diarak keluar dari Dewan Bankuet dan

lagu kebangsaan sekali lagi dimainkan. Sebelum berangkat meninggalkan

majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan menerima junjung ziarah.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai (atas), manakala gambar kanan, sekitar keberangkatan baginda ke majlis berkenaan.



**BACAAN** Doa Selamat oleh Pengerusi Badan Ugama Islam (BUI) PPDB, Timbalan Penguasa Polis, Aimi Safwan bin Zalidin.



**SUASANA** Majlis Santap Beradat sempena Upacara Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertempat di Dewan Bankuet Mes, Kompleks Ibu Pejabat Polis Gadong (atas tengah, atas dan kiri).

# PPDB BERPERANAN MENJAGA, MEMELIHARA KEDAULATAN, KESELAMATAN RAKYAT



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Upacara Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1

"Dengan pengibaran Bendera Panji-Panji Peribadi beta di setiap upacara perbarisan akan melambangkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi PPDB kepada raja, negara dan agama," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Upacara Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Padang Kawad Besar, Pusat Latihan Polis, Gadong, di sini.

Setiap pegawai dan anggota

PPDB tegas titah baginda, bertanggungjawab untuk menanai dan mempertahankan nilai panji-panji yang melambangkan keberanian, disiplin dan juga kecekapan dalam memikul tugas dan menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah penganugerahan berkenaan adalah pengiktirafan baginda kepada seluruh pegawai dan anggota PPDB atas khidmat jasa bakti, penat lelah, komitmen serta dedikasi yang telah ditunjukkan dalam memikul dan melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan sebagai sebuah

agensi penguatkuasaan undang-undang yang utama di negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah mengimbas kembali semasa Majlis Sambutan Hari Polis yang Ke-86 Tahun di mana baginda telah menganugerahkan penukaran kepala atau tampuk Panji-Panji PPDB.

Penganugerahan tersebut titah baginda lagi, telah meletakkan PPDB di satu kedudukan yang berprestij sebagai sebuah organisasi yang memainkan peranan penting dalam menjaga dan memelihara kedaulatan, keselamatan dan kesejahteraan seluruh rakyat di negara ini daripada sebarang bentuk ancaman keselamatan.

## Disiplin kukuh benteng pertahanan kepada cabaran moral, etika

**GADONG**, Sabtu, 18 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah pada 28 Oktober 2024 yang lalu, telah memperkenankan bagi pelancaran Buku Pelan Strategik Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) yang bertema 'Pasukan Untuk Masa Depan' bersempena Penubuhan PPDB yang Ke-100 Tahun.

"Buku pelan strategik tersebut menjelaskan Strategi Teras Pasukan yang tertumpu kepada lima aspek penting, iaitu struktur

prestasi, pengurusan sumber, penggunaan teknologi, latihan dan kerjasama PPDB dan orang awam.

"Buku Pelan Strategik ini memberikan panduan secara holistik dalam menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan," tegas baginda semasa bertitah di Upacara Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Padang Kawad Besar, Pusat Latihan Polis, Gadong, pagi tadi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam seterusnya bertitah, dengan penekanan kepada peningkatan keupayaan siasatan siber dan pengukuhan hubungan dengan masyarakat, PPDB berada di landasan yang kukuh untuk terus memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan, keamanan dan kesejahteraan negara.

Baginda berharap buku pelan strategik PPDB berkenaan akan dijadikan sebagai satu manifesto untuk PPDB terus berkembang maju dengan lebih terarah.

"Ia meliputi semua aspek termasuk kepimpinan, meningkatkan profesionalisme, memantapkan urus tadbir pasukan dan terus membina

keupayaan pasukan bersama rakan-rakan strategik di dalam dan luar negara dalam membanteras sebarang bentuk kegiatan jenayah yang boleh mengancam keselamatan negara," titah baginda lagi.

Dalam kesempatan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah menegaskan ingin melihat competency framework yang baginda perkenankan digunakan bagi semua peringkat PPDB untuk mendapatkan kemahiran - kemahiran dan kepakaran - kepakaran dalam bidang kopolisian.

"Competency framework ini juga akan dapat membantu dalam menyusun atur dan melancarkan succession planning

serta penstrukturkan semula PPDB sebagai sebuah organisasi," tegas titah baginda.

Tahun ini titah Kebawah DYMM lagi, genaplah usia PPDB menjangkau 104 tahun dan baginda ingin melihat PPDB menunjukkan kematangan dari segi pelaksanaan amanah dan tugasnya serta bermuhasabah diri dan bertekad untuk terus meningkatkan profesionalisme dalam PPDB.

"Sebagai sebuah agensi penguatkuasaan yang utama di negara ini, beta ingin mengulangi lagi seruan sebelum ini agar semua pegawai dan anggota PPDB untuk sentiasa menunjukkan etika kerja yang baik, berdisiplin, berintegriti dan profesional dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanatkan," tegas titah baginda.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah, tindakan yang berlandaskan kejujuran, ketulusan dan tanggungjawab akan memastikan kepercayaan masyarakat negara ini terhadap PPDB terus utuh.

Disiplin yang kukuh titah baginda lagi, bukan sahaja membentuk keperibadian pegawai dan anggota PPDB yang cemerlang, tetapi juga menjadi benteng pertahanan kepada cabaran moral dan etika.

Di akhir titah, Kebawah DYMM turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada semua pegawai dan anggota PPDB yang telah menyumbang tenaga dan buah fikiran dalam menjayakan Upacara Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi baginda.



**ANTARA** yang hadir pada Upacara Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Padang Kawad Besar, Pusat Latihan Polis, Gadong.

# ISTIADAT PENGANUGERAHAN BENDERA PANJI-PANJI PERIBADI PENUH BERSEJARAH, GILANG-GEMILANG



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Komandan Polis Wanita (atas, kanan dan bawah).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hasif Matzin

**GADONG**, Sabtu, 18 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bendera Panji-Panji Peribadi kepada Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam Upacara Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang gilang-gemilang dan penuh bersejarah diadakan di Padang Kawad Besar, Pusat Latihan Polis, Gadong, hari ini.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Komandan Polis Wanita.

Turut hadir ke istiadat tersebut, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap di JPM; pegawai-pegawai kanan kerajaan

dan wakil pasukan polis termasuk mantan-mantan Pesuruhjaya Polis, mantan-mantan pegawai serta anggota-anggota PPDB.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Pemangku Pesuruhjaya Polis, PPDB, DCP Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin.

Sejurus keberangkatan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Tabik Hormat Diraja dan diikuti dengan memeriksa perbarisan kawalan-kawalan kehormatan dan Kontinjen-kontinjen PPDB.



Kontinjen-kontinjen perbarisan berkenaan melibatkan jumlah keseluruhan perbarisan seramai 518 anggota polis dari jabatan-jabatan dan formasi-formasi di dalam PPDB

di bawah Pegawai Pemerintah Perbarisan, Penguasa Polis Pengiran Farid Mahader bin Pengiran Haji Matzin.

>> Muka 7



TURUT hadir ke istiadat tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.



**ANTARA** yang hadir pada Upacara Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (kanan), manakala gambar kanan sekali, bacaan Ikrar Taat Setia PPDB oleh semua warga pasukan yang hadir.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 6

Setelah memeriksa perbarisan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya dijunjung bagi penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi, diikuti dengan menepung tawar ke atas Bendera Panji-Panji Peribadi

baginda dan disusuli dengan laungan 'Allahuakbar' diketuai oleh Pegawai Pemerintah Perbarisan.

Pada upacara tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurnikan titah. Acara diteruskan dengan bacaan Ikrar Taat Setia PPDB oleh semua warga pasukan yang hadir dan

diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Gerakan, Penguasa Kanan Polis Haji Hamri Aslan bin Haji Abu Hanafiah, diikuti dengan tiga kali daulat untuk Kebawah DYMM.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamat dibacakan oleh Pengerusi Badan Ugama Islam (BUI) PPDB, Timbalan

Penguasa Polis Aimi Safwan bin Zalidin. Kebawah DYMM serta kerabat diraja yang lain kemudian

berangkat ke Dewan Bankuet Mes bagi Majlis Santap Pagi.

>> Muka 8



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa perbarisan kawalan-kawalan kehormatan dan Kontinjen-kontinjen PPDB (atas). Manakala gambar atas kanan dan kanan, baginda berkenan mendengarkan sembah penerangan. Sementara gambar bawah kiri dan bawah kanan, sekitar upacara berkenaan.





&gt;&gt; Muka 7

Pada acara tersebut, Kebawah DYMM dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung untuk menandatangani Lembaran Kenangan dan juga dijunjung untuk menerima pesambahan.

Kebawah DYMM serta kerabat diraja dijunjung untuk sesi bergambar bersama Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pemangku

pesambahan. Kebawah DYMM serta kerabat diraja dijunjung untuk sesi bergambar bersama Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pemangku



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan Pameran Polis di Dewan Bankuet Mes (atas). Manakala gambar kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja berkenan berangkat ke Dewan Bankuet Mes bagi Majlis Santap Pagi.

Timbalan Pesuruhjaya Polis, pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai Ahli Jawatankuasa Tertinggi Upacara Istiadat tersebut.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM berkenan menyaksikan

Pameran Polis di Dewan Bankuet Mes yang memaparkan sejarah PPDB iaitu Sejarah Panji-Panji PPDB, Buku Sejarah PPDB, alat-alat teknologi yang digunakan dalam meningkatkan kapabiliti penyiasatan dan kawalan dan penglibatan masyarakat. Majlis diakhiri dengan beramah mesra bersama jemputan-jemputan.

Upacara Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi diadakan dengan penuh beradat istiadat memandangkan PPDB adalah sebuah organisasi yang telah mencapai usianya yang ke-104 pada tahun ini.

Dengan penyerahan Bendera Panji-Panji Peribadi baginda, akan dapat memperkuuhkan lagi jati diri serta membakar semangat warga PPDB untuk terus setia dan berbakti kepada raja, bangsa dan negara.



**KEBAWAH** DYMM berkenan menandatangani Lembaran Kenangan (atas), manakala gambar atas kanan, baginda dan paduka anakanda baginda berkenan beramah mesra.



**KEBAWAH** DYMM dan paduka anakanda dan adinda baginda berkenan menerima junjung ziarah (kiri), manakala gambar kiri sekali, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menandatangani Lembaran Kenangan. Sementara gambar bawah, Upacara Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi diadakan dengan penuh beradat istiadat memandangkan PPDB adalah sebuah organisasi yang telah mencapai usianya yang ke-104 pada tahun ini.



# BENDERA PANJI-PANJI PERIBADI KEBAWAH DYMM TANDA PENGHARGAAN, BAKTI PPDB



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat pada Upacara Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Padang Kawad Besar, Pusat Latihan Polis, Gadong.**

**GADONG**, Sabtu, 18 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Kepala dan Bendera Panji-Panji Peribadi baginda sebagai tanda penghargaan atas jasa dan bakti Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam menjaga keamanan dan keselamatan Negara Brunei Darussalam (NBD) pada Upacara Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Padang Kawad Besar, Pusat Latihan Polis, Gadong, hari ini.

Kepala Panji-Panji Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah merupakan gabungan Kepala Panji-Panji PPDB yang mempunyai pengertian iaitu Mahkota dijunjung yang bermaksud NBD diperintah oleh sultan turun-temurun sejak zaman-berzaman dan titah baginda sentiasa dijunjung oleh rakyat jelata.

Terdapat dua hiasan dalam Mahkota iaitu Alap yang merupakan satu lingkaran yang berbentuk lilitan serban mengelilingi badan Mahkota, manakala Tajuk merupakan Payong Ubor-Ubor Tiga Ringkat sebanyak 10 batang yang terletak di kiri kanan dan dua di bahagian belakang Mahkota.

Makna Bulan dan Bintang pula melambangkan Rukun Iman, mendukung kedaulatan raja kepada rakyat yang beriman; Lima Bertingkat bermaksud melambangkan Rukun Islam serta mendukung Melayu Islam Beraja; dan Bunga Air Mulih menggambarkan adat kebudayaan Melayu Brunei.

Sementara itu, Bendera Panji-Panji Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga mempunyai pengertiannya iaitu Mahkota bermaksud NBD diperintah oleh sultan turun-temurun sejak zaman-berzaman dan titah baginda sentiasa dijunjung oleh rakyat jelata.

Terdapat empat hiasan dalam Mahkota iaitu Alap yang merupakan satu lingkaran yang berbentuk lilitan serban mengelilingi badan Mahkota, manakala Tajuk merupakan Payong Ubor-Ubor Tiga Ringkat sebanyak 10 batang yang terletak di kiri kanan dan dua di bahagian belakang Mahkota.

Tara Mahkota juga terdapat dalam hiasan dalam Mahkota yang berbentuk tujuh cabang yang bersatu di bawahnya pada satu bulatan yang di tengah-tengahnya dihiasi dengan permata; dan Malur Turun pula ialah suatu hiasan berjuntai di kiri kanan Mahkota.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hasif Matzin

Sementara itu, Panji-Panji pula asalnya terdiri daripada tiga sayap yang dicantumkan ke satu tiang yang kelihatan seolah-olah sayap, kemudian satu Nanglong yang terletak di satu tiang atas pangkal sayap Panji-Panji itu dan Nanglong itu disambung dengan Bendera Alam Besar (Lambang Kebesaran Diraja Brunei).

Payong pula melambangkan tempat berlindung sekalian rakyat jelata; Sayap melambangkan kekuatan dan kegagahan; dan Lima Garis Dalam Sayap melambangkan Rukun Islam. Kesemua melambangkan kedaulatan sultan dan kerajaan baginda.

Bulan Sabit melambangkan pemerintahan sultan sentiasa berdasarkan ajaran Islam di mana ia dijadikan landasan panduan dan amalan berbangsa dan bernegara. Segala hukum yang dijalankan adalah berdasarkan

perintah Allah dan dilaksanakan dengan jujur, adil dan saksama semata-mata kerana Allah.

Buah Padi pula yang mengandungi sebanyak 99 biji padi terletak di luar Bulan Sabit dan melingkarinya bermula dari lukisan Air Mulih dan Sakah-Sakah. Buah Padi yang tersusun kemas itu melambangkan bahwa masyarakat NBD kukuh bersatu padu dan berturut-turutan dalam menghadapi sesuatu masalah.

Ini diperkuatkan lagi dengan ikatan Bunga Air Mulih dan Sakah-Sakah yang membawa erti bahawa kerajaan sultan sentiasa memelihara ketenteraman, kesetosaan, kebahagiaan dan kemakmuran rakyat dengan berpandukan hukum Allah dan berlindung kepada-Nya menerusi Asmaul Husna kerana sesuatu itu di bawah kuasa Allah juga.



SEKITAR Upacara Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (kiri dan kanan).

# BERANGKAT MENYAKSIKAN PERLAWANAN LIGA SUPER BRUNEI

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ihsan Kelab Rasmi DPMM FC,  
Tangkap Layar Radio Televisyen Brunei, Desmond Fauzi



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat menyaksikan perlawanan di antara DPMM FC menentang Jerudong FC pada perlawanan Liga Super Brunei. Berangkat sama, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (kanan). Manakala gambar kiri, turut berangkat menyertai DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim yang juga selaku Ketua Pasukan DPMM FC.

**BERAKAS**, Ahad, 19 Januari. - Pasukan DPMM FC bermain cemerlang selepas berjaya menewaskan Jerudong FC pada perlawanan Liga Super Brunei (BSL) berlangsung hari ini yang berkesudahan 5 - 0.

Berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran

Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah di Padang dan Belapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini, dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Turut berangkat menyertai DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim yang juga selaku Ketua Pasukan DPMM FC. Pada perlawanan tersebut, Pasukan DPMM FC tampil dengan gerak yang cemerlang dan seterusnya berjaya menundukkan Pasukan Jerudong FC.

## Brunei DPMM FC tewas kepada Geylang International FC

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BERAKAS**, Sabtu, 18 Januari. - Brunei DPMM FC tumpas di tangan Geylang International FC dengan keputusan 0 - 2 pada siri perlawanan Liga Perdana Singapura (SPL) Musim 2024/2025 bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Juga berangkat ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, iaitu Yang Teramat Mulia

Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Gol bagi Geylang International FC pada perlawanan berkenaan masing-masing dijaringkan oleh Tomoyuki Doi dan Ryoya Taniguchi.

Pada separuh masa pertama menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan, dengan Kristijan Naumovski, iaitu penjaga gawang Brunei DPMM FC beraksi cemerlang apabila berjaya menyelamatkan beberapa percubaan daripada pemain penyerang Geylang International FC.

Namun, Geylang International FC terus memberi tekanan kepada pasukan tuan rumah dan akhirnya berjaya membolosi



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berangkat menyaksikan perlawanan di antara Brunei DPMM FC menentang Geylang International FC (atas). Manakala gambar bawah kanan, juga berangkat ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah. Sementara gambar bawah kiri, antara aksi perlawanan.

gawang Brunei DPMM FC pada minit ke-39 menerusi Tomoyuki Doi.

Pada babak kedua perlawanan pula menyaksikan barisan pertahanan pasukan pelawat berjaya manfaikan beberapa percubaan daripada pemain Brunei DPMM FC.

Pada minit ke-77, Geylang International FC sekali lagi berjaya menggandakan jaringan susulan daripada umpanan yang dilakukan oleh Naqiuddin Eunos yang disudahi dengan baik oleh pemain sayap kiri pemain Geylang International FC, Ryoya Taniguchi.

Keputusan perlawanan kekal 0 - 2 sehingga wasit menukar wisel penamat.



# JADIKAN HIDUP SEMATA-MATA MENCARI REDA-NYA

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 19 Januari. - Perubahan sering kali memerlukan pengorbanan dan keberanian untuk menghadapi rasa takut, termasuklah keimbangan terhadap kegagalan, pandangan orang sekeliling serta ketidakmampuan untuk istiqamah.

Namun, umat Islam dianjurkan untuk melawan rasa takut dengan keberanian, yakin dengan pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala dan menjadikan hidup ini semata-mata untuk mencari reda-Nya.

Perkara tersebut antara yang disentuh di dalam tazkirah bertajuk 'Berani untuk Berubah' disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Bahagian Sumber Manusia, Perancangan dan Penyelidikan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Muhammad Sfawwan bin Mohd. Suffian bagi menyertakan lagi Malam Munajat Kali Ke-169 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), baru-baru ini.

Acara Malam Munajat tersebut juga mengundang Timbalan Pendaftar (Pentadbiran, Sumber Manusia dan Estet), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Mohamad Samari bin Haji Mohamad Noh selaku tetamu khas yang memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah dari Surau As-Syafi'i, UNISSA.

Juga hadir bagi sama-sama

menyemarakkan lagi Malam Munajat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut mengimarahkan program ialah Majlis Perwakilan Pelajar, UNISSA; Ahli Jawatankuasa Takmir dan Jemaah daripada 66 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat dari seluruh negara termasuk warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama keluarga dan individu yang turut serta secara maya dari kediaman masing-masing.

Selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Waqiah beramai-ramai dipimpin oleh Exco dan Ketua Unit Keugamaan dan Takmir Surau As-Syafi'i, Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA, Awangku Muhd. Afiq Hanif bin Pengiran Md. Hadzarin dari Surau As-Syafi'i, UNISSA.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Abdul Muhaimin bin Dr. Haji Serbini dari Masjid Universiti, UBD.

Selesai tazkirah, acara diteruskan dengan bacaan Selawat Tafrijiyah beramai-ramai dipimpin oleh Yang Dipertua Majlis



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Malam Munajat Kali Ke-169 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama.**

Perwakilan Pelajar UNISSA Sesi 2024 / 2025, Awang Mohammad Shafiq Hisyamuddin bin Rosli dari Surau As-Syafi'i, UNISSA.

Kemudian, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohd. Khairul Azmi bin Haji Bakar dari Masjid Kampung Serdang.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkhew>.

## ADGMIN Ke-5 : Pastikan akses teknologi saksama

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**

>> Muka 1

Tiga tonggak utama iaitu keselamatan, inovasi dan keterangkuman, menyediakan rangka kerja bagi Negara-negara Anggota ASEAN untuk mencapai kemajuan bersama dan kemakmuran yang mampan dalam era digital.

Dalam mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi berkongsi bahawa NBD komited untuk memupuk budaya inovasi, keterangkuman dan membangunkan ekosistem digital yang kukuh.

Menurut Yang Berhormat, mereka mengiktiraf bahawa ekonomi digital bukan hanya berkaitan dengan kemajuan teknologi tetapi juga mengenai pertumbuhan dan kelestarian dalam semua sektor masyarakat. Teknologi seperti Kecerdasan Buatan (AI) dan kemajuan teknologi ini, bersama dengan teknologi baharu lain jelas Yang Berhormat, seharusnya dimanfaatkan untuk tujuan positif.

Tambah Yang Berhormat lagi, dengan perlindungan dan syarat yang sesuai, AI sebagai contoh, dapat meningkatkan kecekapan dan hasil pembangunan dalam pelbagai sektor termasuk kesihatan, pendidikan, pertanian dan keselamatan makanan, tenaga, tadbir urus dan penyampaian Perkhidmatan

**■ NEGARA Brunei Darussalam komited untuk memupuk budaya inovasi, keterangkuman dan membangunkan ekosistem digital yang kukuh.**

**■ EKONOMI digital bukan hanya berkaitan dengan kemajuan teknologi tetapi juga mengenai pertumbuhan dan kelestarian dalam semua sektor masyarakat.**

**■ TEKNOLOGI seperti Kecerdasan Buatan (AI) dan kemajuan teknologi ini, bersama dengan teknologi baharu lain, seharusnya dimanfaatkan untuk tujuan positif.**

Awam.

Penubuhan Kumpulan Kerja Tadbir Urus dan Etika AI serta penguatkuasaan Perintah Perlindungan Data Peribadi menurut Yang Berhormat, menekankan fokus NBD terhadap pembinaan persekitaran digital yang beretika dan dipercayai.

Yang Berhormat turut menegaskan komitmen NBD untuk mewujudkan persekitaran digital yang selamat dan dipercayai melalui antara lainnya, penguatkuasaan Akta Keselamatan Siber, Perintah Perlindungan Data Peribadi serta penyertaan aktif dalam kerjasama serantau seperti Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer ASEAN (ASEAN CERT) dan inisiatif Anti-Scam Dalam Talian ASEAN.

Usaha-usaha tersebut terang Yang Berhormat, mencerminkan dedikasi NBD untuk melindungi infrastruktur kritikal, meningkatkan kerjasama serantau dan memastikan ekonomi digital yang selamat dan berkembang maju.

Di bawah projek ASEAN yang diterajui oleh NBD, di mana NBD telah berjaya melaksanakan 'Inisiatif ASEAN GovStack' dengan kerjasama Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU), dan Menteri-menteri Digital ASEAN telah menerima pakai Rangka Kerja Kebolehlaksanaan Kerajaan Digital ASEAN yang akan



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku wakil Negara Brunei Darussalam menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Digital ASEAN Ke-5 (ADGMIN) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan yang diadakan pada 16 hingga 17 Januari 2025 di Bangkok, Thailand, baru-baru ini.**

menjadi peta strategik untuk Negara-negara Anggota ASEAN dalam mewujudkan dan meningkatkan kebolehlaksanaan perkhidmatan kerajaan digital serantau.

Selain itu, projek NBD di bawah Pelan Kerja 2025 iaitu Infrastruktur Awam Digital ASEAN untuk Perdagangan Rentas Sempadan dan Garis Panduan ASEAN tentang Penggunaan Awan untuk Sektor Awam adalah antara inisiatif utama yang akan memperkasakan perniagaan dan pihak berkepentingan untuk mempercepat pertumbuhan perdagangan digital di seluruh ASEAN.

Deklarasi Digital Bangkok

merangkumkan hasil mesyuarat tersebut, yang mengiktiraf kepentingan kritis keselamatan siber, inovasi dan keterangkuman dalam membina masa depan digital ASEAN yang berdaya tahan dan makmur.

Menteri-menteri Digital ASEAN mengakui kemajuan yang ketara dalam mencapai hasil yang diinginkan di bawah Rancangan Induk Digital ASEAN 2025 dan menekankan kepentingan mencapai hasil yang berjaya, khususnya perkhidmatan digital yang dipercayai, yang didasari oleh usaha kukuh untuk meningkatkan keselamatan siber dan pencegahan kemudaratannya, memperkuuh

perkhidmatan e-Kerajaan serta memperkasakan Komuniti ASEAN dengan kemahiran dan bakat digital.

Mesyuarat ADGMIN Ke-5 turut merangkumi pertemuan dengan Rakan-rakan Dialog dan Pembangunan ASEAN iaitu China, Jepun, Republik Korea, India, Amerika Syarikat dan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU), yang bertujuan untuk memperdalam kerjasama bagi memperkuuh perkongsian yang memanfaatkan kapakaran dan sumber dalam memajukan agenda digital ASEAN serta mempromosikan piawaian dan amalan terbaik digital ASEAN pada peringkat global.

# JANGAN BIARKAN AGAMA LAYU, SIRAMKAN DIRI DENGAN 'AIR AMAL'



■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

>> Muka 1

"Ilmu-ilmu dunia semua kita sudah tahu. Selama bukan ilmu sihir, semua ilmu dunia diperlukan. Ilmu bahasa perlu, ilmu matematik perlu, ilmu perubatan moden perlu, ilmu pertanian perlu dan lain-lain," jelas Yang Berhormat. Sementara ilmu agama atau ilmu akhirat, tegas Yang Berhormat lagi adalah lebih perlu.

"Contoh ilmu akhirat ialah al-Qur'an. Semua kita orang Islam wajib pandai membaca al-Qur'an. Tidak boleh tidak. Kerana kita orang Islam diwajibkan sembahyang dan di dalam sembahyang itu membaca ayat al-Qur'an dan pandai membaca al-Qur'an besar pahalanya," tegas Yang Berhormat.

Kerana itu, kata Yang Berhormat, Nabi shallallahu 'alaihi wasallam sampai berpesan kepada sahabat Abu Hurairah Radiallahuanhu sabda Baginda, bermaksud : "Wahai Abu Hurairah, pelajarilah al-Qur'an dan ajarkan ia kepada manusia dan sentiasalah engku begitu sehingga datang kepadamu kematian. Sesungguhnya jika datang kepadamu maut, sedang engku kekal belajar dan mengajar al-Qur'an, nescaya akan berhajalah para malaikat ke kuburmu (ziarah) seperi berhaji orang-orang beriman ke Baitullah Al-Haram".

"Maka dengan besar hati, saya ingin berpesan, supaya awda semua menghidupkan agama dalam diri masing-masing. Jangan biarkan agama layu tetapi siramlah ia selalu-selalu dengan 'air amal' walau sedikit," tegas Yang Berhormat.

Sebagai contoh menghidupkan agama dalam diri, ujar Yang Berhormat, jangan berenggang dengan *Bismillahir Rahmani Rahim*. Apa juar pekerjaan, ujarnya lagi, mulai ia dengan Bismillah. Keluar dan masuk rumah dengan Bismillah. Makan minum dengan Bismillah. Berbaring hendak tidur dengan Bismillah.

"Khusus para pelajar, bila membuka dan membaca buku atau nota pelajaran atau menulis atau menjawab soalan-soalan peperiksaan, maka mulai semuanya itu dengan Bismillah. Jangan sekali-kali lupa Bismillah," kata Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, membaca Bismillah adalah perkara suci, perkara agung dan perkara berkat. Membaca Bismillah membawa kepada aman sejahtera, terhindar daripada segala bala, daripada gangguan syaitan yang direjam. Membaca Bismillah merupakan ubat atau penawar dari penyakit, dari ditelan oleh bumi, dari terbakar dari tenggelam, berkat *Bismillahir Rahmani Rahim*.

"Demikian saya petik dari kitab. Ya mari! Saya mengajak para pelajar atau siapa saja, kita

hidupkan *Bismillahir Rahmani Rahim* dalam diri kita. Kita jadikan ia pakaian. Adapun *Bismillahir Rahmani Rahim* adalah pagar kukuh untuk menghalangi syaitan musuh kita," tegas Yang Berhormat.

Nabi shallallahu 'alaihi wasallam, kata Yang Berhormat memberitahu perkara ini dengan sabdanya, bermaksud : "Tiada seorang masuk ke rumahnya melainkan syaitan turut bersamanya masuk. Jika dia masuk dengan membaca *Bismillahir Rahmani Rahim*, berkata syaitan : Tidak ada tempat masuk bagiku di sini. Jika dibawa kepadanya minuman, lalu dia membaca *Bismillahir Rahmani Rahim*, maka berkata syaitan : Tiada minuman bagiku di sini. Dan jika berbaring untuk tidur dia membaca *Bismillahir Rahmani Rahim*, maka syaitan berkata : Tidak ada tempat tidur bagiku di sini".

"Sebaliknya, kalau masuk rumah tanpa membaca Bismillah, maka syaitan pun berjaya turut masuk sama. Jika makan tanpa Bismillah, syaitan akan makan bersama-sama. Begitu juga minum tanpa Bismillah, syaitan akan lebih awal meletakkan bibirnya di cawan atau di gelas yang kita gunakan untuk minum."

"Dan lebih dikehuti lagi jika orang bersatu suami isteri tanpa membaca Bismillah, syaitan akan masuk menumpang turut bersatu dan disebabkan percampuran dengan syaitan itu, boleh melahirkan atau menghasilkan kanak-kanak yang cacat atau akhlaknya kelak buruk," jelasnya. Demikian hebatnya *Bismillahir Rahmani Rahim* untuk memagar kita umat Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wasallam daripada pencerobohan syaitan.

Yang Berhormat seterusnya mengingatkan bahawa syaitan adalah makhluk licik. Lebih-lebih lagi kita tidak nampak syaitan, tetapi syaitan nampak kita. Kita tidak dapat melawan syaitan secara fizikal.

Syaitan, tegas Yang Berhormat tidak boleh dilawan dengan parang atau dengan apa juar senjata canggih sekalipun dengan pistol, dengan senapang, dengan roket, malah dengan bom nuklear sekalipun. Semua itu tidak berkesan untuk menewaskan syaitan.

Kecuali, Allah memberitahu, hanya dengan ayat-ayat-Nya sahaja syaitan boleh ditundukkan, boleh dihalau, iaitu dengan cuma membaca *Ta'awudz (A'udzu billahi minasy syaithanir rajim)* : Aku berlindung dengan Allah daripada syaitan yang direjam) dan dengan *Bismillahir Rahmani Rahim* (Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani). Ini sahaja senjata yang dapat menghalau dan menundukkan syaitan berserta juga lain-lain ayat dalam al-Qur'an.

alkohol (arak) dan juga rokok. Alkohol (arak) adalah racun. Berpotensi untuk membunuh jika sampai ketagih. Kedua-dua benda ini biasa mengundang barah.

Media cetak dua hari lepas (16 Januari, 2025), kata Yang Berhormat Mufti Kerajaan melaporkan 11 orang maut selepas minum alkohol tercemar di Istanbul dan media hari ini pula menyebut kematian bertambah kepada 33 orang.

Pada sekitar tahun 70-an, katanya tiga orang dewasa yang sekampung dengan saya mengalami barah kerongkong akibat rokok. Tiga-tiga diantar keluar negeri untuk berawat. Semua mereka menjalani rawatan kemoterapi. Balik ke Brunei macam OK - baik. Dapat hadir Majlis Kenduri Tahlil. Saya bertanya kepada salah seorang : "Macam mana rasa kita?" Dia menjawab : "Baik, cuma rasa letih". Cuma seminggu dua bertambah, ada juga mencecah bulan, mereka telah dipanggil oleh Allah menemui-Nya. *Innalillahi wa innailaihi raji'un*.

Yang Berhormat berkata bahawa piyah berkuasa kesihatan negara Mesir pernah merumus, bahawa rokok mengandungi 800 unsur merbahaya. Yang memberi kesan buruk kepada seluruh anggota badan yang menyebabkan antara lain kanser pernafasan, kanser paru-paru, kanser kerongkong dan lain-lain lagi. Dari itu jangan hampiri rokok.

Menurut Yang Berhormat, dalam satu kajian bertajuk, 'Remaja dan AIDS' oleh Profesor Madya Dr. Syamsuddin Abdul Rahman dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah mendedahkan tabiat merokok sebahagian besarnya berkaitan dengan jangkitan AIDS kerana AIDS terjadi dari perkongsian suntikan jarum dalam kalangan penjenayah dadah dan penajih dadah yang lazimnya bermula dari rokok.

Kata Yang Berhormat pernah tersiar menjadi berita di Radio Televisyen Brunei pada 24 Ogos 1997 tentang satu perhimpunan di ibu negara China, Beijing bagi Persidangan Dunia Kali Ke-10 mengenai dengan tembakau dan kesihatan.

Berita itu, kata Yang Berhormat menyebut bahawa China yang merupakan pengeluar dan pengguna tembakau terbesar di dunia sedang berhadapan dengan kes penyakit akibat merokok. Setengah juta orang pada setiap



YANG Berhormat Mufti Kerajaan ketika menyampaikan ucapan nasihat pada Program Pendidikan Penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam di Australia, New Zealand dan Malaysia yang sedang bercuti bertempat di Jabatan Mufti Kerajaan (atas), manakala gambar atas kiri, Yang Berhormat bergambar ramai pada program berkenaan.

tahun dikatakan mati di China akibat penyakit yang berpunca dari tembakau (rokok).

Tiga punca utama kematian, tegasnya ialah kanser (barah), kardiovaskular dan sesak nafas. Diramal kematian akan meningkat sehingga dua juta pada tahun 2025. Perkara ini, tegas Yang Berhormat lagi perlu jadi ikhtiar dan para pelajar menjadi pendukung utamanya.

Yang Berhormat akhirnya mengajak kita bersyukur kerana NBD adalah satu-satunya negara di dunia yang telah mengharamkan rokok dan merokok sejak hampir 25 tahun lagi.

"Inilah Brunei dengan rokok di bawah kepimpinan bijaksana raja kita yang beriman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," tegas Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Program Pendidikan Penuntut-penuntut Brunei di Australia, New Zealand dan Malaysia di Darullfta Brunei Darussalam hari ini adalah bagi pelajar-pelajar yang menjalani percutian dwitahunan di bawah Skim Biasiswa Kerajaan, Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan dan Pelajar Persendirian dan diadakan oleh Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan.

**MINDA PEMBACA**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

- 'Kepimpinan Bermula Dari Diri Sendiri'. Tarikh Tutup : 22 Januari 2025
- 'Perpaduan Kunci Pembangunan'. Tarikh Tutup : 29 Januari 2025
- 'Kesan Media Sosial Kepada Kanak-Kanak'. Tarikh Tutup : 5 Februari 2025

#### TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

#### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi  
**BND75**

SETIAP MINGGU

# سُرِّ الدُّنْيَا

## عمال منبهہ کیامان

جلسله بهاوا مغاسىھي رسول الله ﷺ اداله ساله ساتو جالن  
منجو شرك، دان مباج رواية هيدوون (سيرة) اداله جارا ترقیتیع او توق لبيه  
موده مهمي دان منجيتپاي بکيندا.

بکیتو جوک دغۇن مىزنوغىي تىدا-تىدا كىرسىن الله سېيھەكەۋەغانى يېغ اد  
دسىكلىلىق كىت، رونوغىلە كىجادىن عاڭم، سىمۇغىكوهن كىت قىلو يقىن بەهاوا اد  
كىرواتىن لوار بىباس يېغ مۇھۇر منحىقتانىن عالىم يېغ سەقورنا ئىن، دەلمەن تەرىپىنا سېواھ  
مىسترو كىتۇر دان سىيىستەم كەھيدۇقۇن يېغ راپى دان لەعکش.

کیت جوک هندقهه براؤسها کراس ملاکوکن عمل فربوتن بعث بایک  
سحارا إخلاص. لاکوکن قمیرسینهان هاتی دری صفة-صفة بوروچ دان  
سالالله منجاک کسوچین. میلیکی صفة محموده سفرتی صبر، توکل، تاکوت  
کتفد الله سبحة‌له و تعالی دان جاوه‌ی صفة مذمومه سفرتی طمع، کیکر، برقراری  
بوروق دان سپاگایین.

فر بایقکن ذکر، تسبیح، تحمید، تهلیل، تکبیر، استغفار، برصلوات کائس رسول الله ﷺ دان مغاجق اور غ لاین کفڈ کبایکن سرتا ملارغ کموغکرن، استقامه دالم مفرجکن فرض عین دان فرض کفایة. آخرین، کيت نوھون کحضرۃ اللہ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَیْ سوک منجادی همبان یغ سنتیاس بریان دان رترقوی، میبلیکی هاتی یغ نتع دان تنرام، برپاهاکیا دان پرجای ددنیا هیغٹ کآخریه یغ ککل ابادی، آمین یا رب العالمین.

دیاله بیغ تله منورونکن کنشن دالم هاتی اورع-اورع بیغ برلیمان سویا<sup>۱</sup>  
بلیمان میریک بر قبیه دستیقیگی بلیمان مریک بیغ سدیا اد. دان الله مغواسایی تنزا  
غشت دان بومی. دان الله مها مغههوری لاکنی مها بیمحقسان.

رَبُّكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقْبَلَ مِنَ  
لَوْاْتِهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
الْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فِيَّا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا يَحْمَدَهُ  
تَائِبِينَ.

القرآن مروفاكن معجزة تراؤكوع رسول الله ﷺ. ددالمن  
تركتيدوغ سكل رهسييا علمو دان فغاحرن يع بوليه دامبيل سسواي دعن  
كفرلowan مأنسيي يع سداع منجاري-جارى توهنن. سبهاكين آية القرآن مغقو  
معكترتken هاتى دان مبواتكىن سساوراع مناغيسى سكل دوسا دان كسانحن يع  
فرنه دلاكركىن، لالو مميريكن كتتغىن هاتى كفداد سباكيمان فرمان الله  
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دَلِمْ سُورَةٍ صِّرْ آيَةٌ ٢٩ :

(القرآن إين ایاله) سیواه کتاب یغ کامی تله تورونکن کفڈ مو (واهای  
ی محمد)، یغ مغاندوغی برکت سوچای مریک میکیر کن دعن تلیت کندوغن  
ة-ایتن دان سوچای اورغ-اورغ یغ مقویای عقل دافت مغمبل فقاجرن.

اقيقيل سسأور غ مهيمي صفة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى يَعُثْ مَهَا مِنْدَغَرْ، مَهَا مِلِيَّهَتْ  
انْ مَهَا مَعْتَهُوْيِ، مَكْ اَكَنْ مَنَاهَنْ لِيدَهُنْ، اَغْكُوتَا تُوبُوهُنْ دَانْ كَرْقَنْ هَاتِينْ  
رِي سَكْلَ يَعُثْ تِيدَقْ دَسُوكَايِ اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. بَكْيِتو جُوكْ اقيقيل سسأور غ  
مهيمي صفة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى يَعُثْ مَهَا إِينَدَهُ، مَهَا اَكْرُغْ دَانْ مَهَا فُرْكَاسْ،  
كْ سَمَاكِينْ بِسَرْلَهُ كَيْبِيْعِينَشْ اوْنَتْوَقْ بِرْقُو اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دَهَارِيْ أَخِيرَهُ سَهِيْعَكْ  
سوْغَكَوْهْ-سوْغَكَوْهْ مُنْوَهِي سَكْلَ سُورُوهُنْ دَانْ مِنْيَعَلْكَنْ سَكْلَ لَارْغَنْ  
غُنْ مُفْرَبَا يَقْكَنْ عَمَلْ عِبَادَهُ. اَكَنْ سَتِيَّاسْ مَنْجَاكْ كَلاَكَوَانْ دَانْ تِينَادَقْنِ  
ترَانْ يَقْيَنْ، تُوهَنْ مَهَا مِلِيَّهَتْ سَكْلَ يَعُثْ دَكْرَجَكْنْ هَمِيَا-هَمِيَا.

بکیتو جوک دغۇن مەلاچىرى سىرە نبۇية يىلىت دغۇن مهمى فېلاڭىر دان  
قىرىيادىن، كاڭوڭۇن دان فۇجاوغۇن رسول الله ﷺ، اكىن منمۇھىكەن  
اس كاسىيە دان جىيتا كىت ترهادۇ بېكىندا. كەھيتان كەد بېكىندا فۇلا  
ئىمۇدىن بىر كېبىغى منجادى كېيىغىن اونتۇق منجۇنۇوهى كىرىيادىن دان ماتۇھى  
تىكلى نصىحىت دان سەنە يېغىن دىيەكلىكىن، سپاڭىمان دالىم سۈواھ حادىث رسول

سام-سام اور غیغ کاو کاسیبھی۔ {حدیث رواۃہ امام مسلم}

فرمان الله سُبْحَانَهُ وَعَلَى دَلْمِ سُورَةِ النَّذَارِيَاتِ أَيْةٌ ٥٦:

بِرْ تَقْرُى لَهُ كَيْتَ كَحْضُرَةَ اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَعَلَى دَعْنِ مُنْبَغِكَتِكَنْ كَيْلَانَ كَفَدَنْ.  
سُسْعَكَوْهَنْ اُرْعَ يَعْ فَالِيْعَ مُلِيَا دِمِيْسِيَ اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَعَلَى اِيتَ اِيَلَهَ اُرْعَ يَعْ فَالِيْعَ  
بِرْ تَقْرُى. مُودَهَ-مُودَهَنْ كَيْتَ مُنْجَادِي إِنْسَانَ يَعْ سُنْتِيَاسَ مَعْلَيْعَنَيَ اللَّهِ  
سُبْحَانَهُ وَعَلَى، بِرَأْوَلَهِ كَجِيَانَ دَانَ كَسَلَامَتْنَ دَنْبَيَا دَانَ جَوَكَ دَأْخِرَةَ.

دان آڭو تىدق منجىقىتاڭن جىن دان مائىسى ملايدىكىن هان اوئتوق مېمبە آك.

جماعه بع درجمي الله،  
الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى مِنْجِيقْنَا كَنْ مَأْنِسِي دَعْنَ تُوجُونَ اونتوقْ بِرْ عِبَادَةِ كَفْدَنْ.  
سنچع هيلوفُنْ، مَأْنِسِي اكْنَ دَأْوَجِي اونتوقْ مِنْتُوكْنَ اونتوغْ نصيبين دَنْ دَنْ دَنْ  
جوک دَأْخِيرَةِ كَلْقَ، باكِي مِسْتِيْكَنْ دِيرِي بِرْ جَاهِي دَالِمْ مِعْهَادِي اوْجِينْ بَعْ  
دِيرِيْكَنْ، مَأْنِسِي هارُوسْ مِيلِيكِي لِهَانَ دَانْ تَقْوَيْ أَكْرَ دَافَثْ تَرُوسْ مِنْجَالَنْكَنْ  
تَعْكُورْ جَهَابْ دَانْ مَقْتُو مِنْجَالَنْكَنْ سَكَلْ فَرِيْتَهِ الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دَانْ مِنْجَاوَهِي  
سَكَلْ لَارْغُنْ.

مأنسي يع مبنیوک تغا یهان رو بهه دعبارکن ستری رومه ندا اسماں بع  
کوکوه. اي موده رو بهه دان تیدق مشو مليندوغی فتهونین. یهان بع کتتل دان  
کوکوه اکن مليندوغی مأنسي دري سکل ماجم کسسین، کلمهن دان  
قبلا کای بنجان لاین ستفجع مثهاروغی کهپلوقن. حقیقت، تنها یهان، مأنسي  
تیدق اکن دکورنیاکن کریضان دان قیوچوک درقد الله سُبْحَانَهُ وَ تَعَالَى. هان دغۇن  
یهان، مأنسي مقر مفجاوی کبهاکن ددئنا دان دأخیره.

نامون بکیتو، مانسی اداله مخلوق یعنی سریع لالای دان لوقا، کران ایتهله  
کلیمانن بولیه برگور غ دان برگمهه، مک باکی ممستیکن یلغان ترسوس کلکل قد  
کلودوچن یعنی تربایک، سرتا باکی مینیعکنکن کلیمانن دیری، انتارا قاعده دان  
چارا یعنی بولیه دعمالکن ایاله دغناً مقلالجری علومو أکام برسومبر کن القرآن  
دان حدیث سفرتی مفربایکن بجان القرآن دان معحیاتی معنان، مقلالجری  
آسماء الحسنی، مقلالجری سیرة نبویه، مقلالجری نبلای-نبلای أکام إسلام،  
مفلاحجری کهیدوچن فارا صحابة رسول الله ﷺ، تاییعن دان تابع  
التایعون دان ساو مقامان.

جماعه يعث در حمي الله،



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Memulihara Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) dan Sistem Penggera Keselamatan

DA / JKSH / 175 / 2024 / 2025  
[AKS-JAN-2025]

Sebut Harga Bagi Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Memulihara Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) dan Sistem Penggera Keselamatan Bagi Sekolah Rendah Tungku, Kluster 3, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Tempoh Perkhidmatan:  
60 Bulan

Bayaran Yuran  
Sebut Harga :  
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:  
Sabtu,  
1 Februari 2025.  
(Jam 9.00 Pagi)



## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:  
KSSUP / BPK / JKSH /  
ADMIN / 5 / 2024 - 2025

Tajuk Sebut Harga:  
Mengendalikan Perkhidmatan Kantin Selama Dua (2) Tahun Di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Tarikh Tutup  
Sebut Harga:  
6 Februari 2025.  
Khamis,  
Jam 2.00 Petang.

Tarikh Taklimat  
(Jika Berkenaan):  
30 Januari 2025.  
Khamis,  
Jam 9.00 Pagi.

Yuran Setiap  
Satu Sebut Harga :  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)  
Pembayaran Adalah  
Secara Dalam Talian



## KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:  
MINDEF / DFA / INFRA /  
FY2024 / T / TL / 002  
[JPPK / LTK / 19 / 2024]

Proposed Design And Build Of New Dais At Muara Naval Base

Tarikh Mula Tawaran:  
20 Januari 2025

Kelas:  
III dan Ke Atas Sahaja

Kategori:  
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:  
Dua (02) Bulan

Yuran Tawaran:  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Hari Selasa, 4 Februari 2025

Tarikh  
Tutup Tawaran:  
Selasa,  
11 Februari 2025.  
2.00 Petang.

Rujukan Tawaran:  
MINDEF / DFA / INFRA /  
FY2024 / T / GEN / 003  
[JPPK / LTN / 12 / 2023]  
Kerja-Kerja Pembinaan dan Pemeliharaan 15 Unit Di Pangsa Idaman, Jalan Batu Satu

Tarikh Mula Tawaran:  
20 Januari 2025

Kelas:  
IV dan ke Atas Sahaja

Kategori:  
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:  
Sembilan (09) Bulan

Yuran Tawaran:  
BND100.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah dua (2) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Hari Selasa, 4 Februari 2025

Tarikh Tutup  
Tawaran:  
Selasa,  
18 Februari 2025.  
2.00 Petang.

Iklan Pindaan  
Tarikh Tutup

Rujukan Tawaran:  
MINDEF / DFA / RC / 160(4)  
The Supply of Paints and Accessories for The Royal Brunei Air Force Aircrafts - Five (5) Years Contract

Yuran Tawaran:  
BND50.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:  
Selasa,  
4 Mac 2025  
Jam 2.00 Petang

JABATAN ALAM SEKITAR,  
TAMAN DAN REKREASI  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibuka Kepada Pemberong-Pemberong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Kelas:  
II, III, IV & V

Kategori:  
S02

Tarikh Buka Tawaran pada:  
20 Januari, 2025.  
(Isnin)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:  
11 Februari 2025.  
(Selasa)

Tarikh Tutup Pada:  
18 Februari, 2025.  
(Selasa)  
Sebelum Jam 2.00 Petang

(Di Tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T015 / 2024  
Servis Kerja-Kerja Pemotongan Rumput Di Kawasan Daerah Brunei Muara Bagi Tempoh Dua (2) Tahun (FSOR).

No. Projek:  
JASTRE / BL / T015 / 2024

Jumlah Yuran Tawaran:  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)



## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga:  
24 / OKT / 2024 / KKBS / PJK /  
16.14 (R)

Tajuk Sebut Harga:  
Kontrak (36 Bulan)  
Pemeliharaan 3 Buah Lif Jenama 'Mitsubishi'  
Di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Brunei Darussalam (Requotation)

Tarikh Tutup:  
Khamis,  
6 Februari 2025.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Bilangan Sebut Harga:  
S04 / HK-41 / 2025 /  
KKBS / BPK / UP (R)

Tajuk Sebut Harga:  
Pencetakan Buku Surah Yaasin Bagi Majlis Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaasin dan Doa Kesyuruan Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 (Requotation)

Tarikh Tutup:  
Khamis,  
30 Januari 2025.



Bilangan Sebut Harga:  
11 / KKBS / HK41-2025 (R)

Tajuk Sebut Harga:  
Laying Of Red Carpet On The Royal Dias, Taman Sultan Omar Ali Saifuddien For Negara Brunei Darussalam's 41st National Day Celebration 2025 (Requotation)

Tarikh Tutup:  
Khamis,  
6 Februari 2025.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Bilangan Sebut Harga:  
15 JANUARI 2025 /  
KKBS / HK / 3 (1) - 2025

Tajuk Sebut Harga:  
Penyewaan P.A Sistem Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-41, Tahun 2025

Tarikh Tutup:  
Khamis,  
30 Januari 2025.



(Di Tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)



**Bilangan Tawaran:**  
JDT / BPP / 02 / 2024 - 2025

**Tajuk Tawaran:**  
Pengurusan dan Pengendalian  
Gerai Ramadan 1446H / 2025M  
Bagi Jabatan Daerah Tutong

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup:**  
Isnin,  
3 Februari 2025.  
Jam 2.00  
Petang.



## PUSAT SEJARAH BRUNEI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Sebut Harga:**  
3 / JANUARI / 2025 /  
PSB / PD.575:

Mengubah Suai dan  
Mencetak Perisian Galeri Era  
Kegemilangan Brunei,  
Pusat Sejarah Brunei

**Tarikh Tutup:**  
Khamis,  
6 Februari 2025.  
Tidak lewat  
jam 2.00  
Petang.



**Bilangan Sebut Harga:**  
2 / Januari / 2025 / PSB / PD.575:

Pembekalan, Penggantian dan  
Pemasangan Alat Penghawa  
Dingin Di Pusat Sejarah Brunei  
dan Bahagian Pusat  
Pengkajian Borneo,  
Pusat Sejarah Brunei

**Tarikh Tutup:**  
Khamis,  
6 Februari 2025.  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang.



## JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN SUMBER- SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Tawaran:**  
JPH / SD09A / 001002 / 2115 /  
TAW390 / 2024-2025  
Membina Bangunan Opis  
Taman Rekreasi Hutan  
Bukit Patoi, Daerah Temburong

**Borang Pendaftaran Syarikat**  
(Jika belum berdaftar):  
BND10.00

**Borang**  
**Tawaran:**  
BND15.00

**Yuran**  
**Tawaran:**  
BND35.00

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
11 Februari 2025.  
2.00 Petang.



## JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

**Tajuk Sebut Harga:**  
RTB / K / 145 / 24 - 25  
Pembekalan, Pembuatan,  
Pemasangan dan Pembongkaran  
Set Rancangan Rampai Pagi  
Edisi Khas Hari Raya  
Aidilfitri 2025

**Bayaran Yuran:**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)  
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas:**  
BND5.00  
(Jika perlu dan tidak  
dikembalikan)  
(Hardcopy)

**Tarikh Tutup:**  
Rabu, 5 Februari 2025.  
Jam 2.00 Petang.



## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / INFRA /  
FY2024 / T / GSU / 004  
[JPPK / LTK / 25 / 2024]  
Eight (8) Months Term Contract  
For The Janitorial, Grass Cutting,  
Landscaping And Waste Disposal  
Works For Sungai Akar Camp  
And Associated Facilities,  
Gurkha Security Unit

**Tarikh Mula Tawaran:**  
6 Januari 2025.

**Kelas:**  
III dan ke Atas Sahaja

**Kategori:**  
S01 dan S02

**Tempoh Penyiapan Kerja:**  
Lapan (08) Bulan

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir  
bagi pembelian  
Borang Tawaran adalah  
Isnin,  
20 Januari 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
4 Februari 2025.  
2.00 Petang.

**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / INFRA /  
FY2024 / T / GEN / 002(CS)  
[JPPK / LTN / 19 / 2023]  
Five (5) Years Term Contract For  
Nominated Quantity Surveying  
Consultancy Services For The  
Facility Management And  
Maintenance Term Contract  
Under Ministry Of Defence

**Tarikh Mula Tawaran:**  
6 Januari 2025.

**Syarat Penyertaan:**  
Konsultan Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
dan BAPEQS

**Tempoh Penyiapan Kerja:**  
Lima (05) Tahun

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir  
bagi pembelian  
Borang Tawaran adalah seminggu sebelum  
tarikh tutup tawaran,  
iaitu Isnin,  
27 Januari 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
4 Februari 2025.  
2.00 Petang.



**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / INFRA /  
FY2024 / T / GSU / 003  
[JPPK / LTN / 24 / 2024]  
Eight (8) Months Term Contract For  
The Operational Maintenance  
And Corrective Repair  
Of Sungai Akar Camp And  
Associated Facilities, Gurkha  
Security Unit

**Kelas:**  
III dan Ke Atas Sahaja

**Kategori:**  
KA01 dan B01

**Tempoh Penyiapan Kerja :**  
Lapan (08) Bulan

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Yuran Dokumen:**  
(MINDEF SOR 2019)  
(Tidak Dikembalikan):  
BND500.00 satu set  
(dalam bentuk CD)\*

Tarikh terakhir bagi  
pembelian Borang  
Tawaran adalah  
Isnin,  
20 Januari 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
4 Februari 2025.  
2.00 Petang.



## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)  
hendaklah dihantar dan diterima oleh  
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK**  
**kurang dari empat (4) minggu dan**  
**Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari**  
**dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan  
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah  
dibaca menggunakan **Microsoft Word**  
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang  
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar  
menggunakan **BAHASA MELAYU**  
**SAHAJA.**



Sila sertakan dokumen-dokumen yang  
berkaitan dan nyatakan apa-apa  
keperluan iklan berkenaan, seperti  
tarikh terbitan untuk diiklankan dan  
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah  
dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400  
**sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA  
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKAN  
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

# HAFAZ, RASAI, NIKMATI KEHEBATAN, KEAGUNGAN AL-QURAN

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland  
 Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Perkara demikian dijelaskan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan semasa Majlis Penerimaan Pelajar-pelajar Baharu Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Sesi Pengajian 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Kuliah ITQSHHB, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, hari ini.

"Maka dengan memilih jalan pendidikan hafazan Al-Quran ini menurutnya lagi, buanglah kelebihan dan kerisauan kita jauh-jauh ke belakang. Bacalah, hafazlah, rasai dan nikmati kehebatan dan keagungan Al-Quran sebagai Kalamullah, amati betul-betul, ulangi hafazan dan jangan bosan. Maka insyaaAllah, Allah akan membuka dan melapangkannya dan mengurniakan kita melebihi apa yang kita hajati."

"Inilah satu langkah besar yang memerlukan iltizam dan tekad yang tinggi. Menjadi penjaga Al-Quran bukan sekadar tugas untuk menghafaz tetapi juga untuk mengamalkannya dalam

kehidupan sehari-hari," ujarnya.

Dalam perkara yang berkaitan, tambahnya, ITQSHHB pada tahun ini mengorak langkah dengan membuat satu pencapaian dalam pendidikan hafazan Al-Quran dengan melaksanakan *tadabbur* Al-Quran secara berperingkat sebagai penambahan dalam kurikulum mata pelajaran hafazan Al-Quran.

Jelasnya lagi, ITQSHHB juga telah mencapai matlamat rancangan strategiknya tahun 2024 yang mana seramai 95 peratus pelajar pengajian Tahun 11 yang lepas telah khatam hafaz 30 Juz Al-Quran iaitu seramai 74 orang terdiri daripada 30 lelaki dan 44 perempuan.

Dengan adanya pencapaian ini, katanya, pihak pengurusan ITQSHHB akan terus berusaha untuk meningkatkan keupayaannya secara holistik dengan lebih teratur dan berkesan yang memberikan manfaat kepada institut itu sendiri dan juga kepada pelajar-pelajar dan diharapkan mudah-mudahan ia dapat membakar semangat para pelajar baharu agar sentiasa bersungguh-sungguh dalam menghafaz Al-Quran dan mendalami isi kandungan

Al-Quran.

"Sukacita mengingatkan bahawa anak-anak semua adalah generasi dan pelapis harapan negara. Anak-anak yang dikasih bukan sekadar pewaris ilmu tetapi juga bakal pemimpin masa depan yang akan membimbing masyarakat ke jalan yang diredaya Allah Subhanahu Wata'ala. Maka rebutlah peluang menuntut di ITQSHHB ini."

"Asahlah potensi diri, terus perkasa bidang akademik dan mendalami ilmu Al-Quran serta ilmu pengetahuan lain yang akan memberi manfaat kepada diri sendiri dan orang lain," tegasnya lagi. Tambahnya, perjalanan yang akan ditempuh dan dilalui oleh anak-anak mungkin ada liku-likunya tetapi ia akan menjadi satu pengalaman yang indah dan sangat berharga.

"Anak-anak sedang membina masa depan yang cerah bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi juga untuk umat Islam keseluruhannya. Jadikanlah waktu di sini peluang untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, memperbaiki akhlak dan adab dan menguasai ilmu adalah kunci yang akan memandu hidup awda," ujarnya.

Beliau seterusnya berkata, ibu bapa adalah sangat penting dalam menyokong anak-anak mereka sepanjang perjalanan para pelajar

menuntut ilmu di institut tersebut dengan memastikan mereka terus bermotivasi dan istiqamah kerana perjalanan ini memerlukan sokongan moral yang tidak berbelah bahagi. Perjalanan ini mungkin penuh dengan cabaran tetapi hasilnya adalah sesuatu yang sangat berharga di dunia dan akhirat.

Selain itu tambahnya, sokongan moral, doa dan dorongan berterusan akan menjadi tonggak utama untuk membantu para pelajar mencapai kecemerlangan dalam bidang hafazan dan kehidupan mereka.

Beliau juga turut mendoakan para pelajar diberi kekuatan, kesabaran dan semangat yang tinggi untuk mengharungi perjalanan sebagai penjaga dan pengamal Al-Quran.

"Bulatkan azam untuk menjadi generasi yang mampu membawa perubahan positif, menyebarkan ilmu dan menjadi contoh teladan kepada umat Islam di seluruh dunia yang membawa kebaikan kepada agama, raja, bangsa dan negara serta dapat merealisasikan Wawasan Brunei 2035," tambahnya.

Terdahulu itu, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama menyatakan seramai 71 orang pelajar iaitu 29 pelajar lelaki dan 42 pelajar perempuan telah menerima tawaran untuk mengikuti pengajian



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama berucap pada majlis berkenaan.

di institusi ini dan apa yang istimewanya ialah pengambilan pelajar pada kali ini adalah dari kalangan mereka yang mempunyai rekod Penilaian Sekolah Rendah (PSR) yang cemerlang.

Beliau juga berharap pihak ITQSHHB akan terus memperkasa bidang akademik mereka nanti dan sentiasa melihat lepasan-lepasan pelajar agama dan hafazan Al-Quran sentiasa kompeten serta relevan dengan keperluan pasaran dan mampu memberi nilai tambah melalui kepakaran serta amalan-amalan nilai-nilai agama yang juga akhirnya dapat mempromosikan kelebihan keluaran dan lepasan agama dan hafazan Al-Quran di negara ini.

## ITQSHHB terima kemasukan 71 pelajar baharu



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penerimaan Pelajar-pelajar Baharu ITQSHHB.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 18 Januari. - Seramai 71 orang pelajar baharu yang terdiri daripada 29 orang pelajar lelaki dan 42 orang pelajar perempuan telah diterima masuk ke Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) bagi Sesi Pengajian 1446 Hijrah / 2025 Masihi dan pengambilan tersebut adalah bagi mengikuti pengajian pada peringkat menengah.

Majlis Penerimaan Pelajar-pelajar Baharu ITQSHHB diadakan di Dewan Kuliah, ITQSHHB, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, hari ini. Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; pegawai-pegawai kanan KHEU,

ibu bapa pelajar-pelajar baharu yang diraikan serta para pegawai dan guru serta kakitangan ITQSHHB.

Majlis dimulakan dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada pelajar baharu Tahun 7 yang bakal mengikuti Sesi Pengajian 1446H / 2025M di ITQSHHB diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran Surah Al Mujadilah dari ayat 11 hingga ayat 15 oleh Awang Adam Syahier Al-Hamiidy bin Mohammad Ali. Manakala inti sari dibacakan oleh Awang Mohammad Adli Hafizh.

Dalam ucapan alu-aluan Pemangku Pengetua ITQSHHB, Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof antara lain mengongsikan bahawa bagi Sesi Pengajian 1446H / 2025M, pihak institut telah menerima sebanyak 326 permohonan dan daripada jumlah tersebut, hanya 322 permohonan sahaja yang memenuhi syarat-syarat kemasukan.

"Proses pengambilan pelajar dilaksanakan melalui dua peringkat temu duga iaitu peringkat pertama ialah calon diberikan satu muka surat Al-Quran untuk dihafaz di rumah selama seminggu dan seterusnya akan diberikan ujian penulisan Al-Quran jika calon lulus

di peringkat ini. Manakala peringkat kedua ialah calon diberi masa 45 minit untuk menghafaz satu muka surat ayat Al-Quran yang ditetapkan pada hari temu duga.

"Hasilnya, seramai 71 orang pelajar (29 lelaki dan 42 perempuan) telah menerima tawaran untuk mengikuti pengajian peringkat menengah Tahun 7. Sukacita juga dimaklumkan, daripada jumlah yang disebutkan tadi, calon-calon terdiri daripada pelajar-pelajar Sekolah-sekolah Persediaan Arab dan Menengah di bawah kawalan KHEU, sekolah-sekolah rendah dan menengah aliran umum di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan sekolah-sekolah swasta," jelasnya.

Sepertimana tahun-tahun yang lalu tambahnya pihak institut telah mengadakan satu program dalam bidang hafazan khususnya Program Tahsin Bacaan dan Hafazan Al-Quran.

Objektif program antara lain adalah untuk memberikan persediaan awal kepada pelajar-pelajar baharu mengenai teknik menghafaz Al-Quran serta melatih diri pelajar untuk sentiasa istiqamah agar dapat menguasai kemahiran teknik menghafaz dengan baik. Di samping itu, supaya membiasakan diri pelajar dengan persekitaran dan suasana menghafaz Al-Quran.

Jelasnya lagi, Minggu Ta'aruf Pelajar Baharu juga diperkenalkan kepada mereka dengan pembudayaan kehidupan di asrama, pengajaran dan pembelajaran hafazan Al-Quran, dirasah Islamiah dan Akademik, sesi suai-kenal, program motivasi, mahabbah bersama kawan-kawan baharu dengan pelajar-pelajar senior, serta yang paling utama ialah mengenali *bil'ah* mendekati dan selalu berdamping dengan Al-Quran sebagai teman pelajar-pelajar sepanjang hayat di dunia dan akhirat.

Menyentuh mengenai pencapaian ITQSHHB jelasnya,

sepanjang tiga dekad institut ini telah mencapai pelbagai kejayaan yang membanggakan.

Tambahnya lagi, sejak ditubuhkan pada tahun 1993, ITQSHHB telah memainkan peranan besar dalam melahirkan generasi huffaz Al-Quran dan dalam tempoh 30 tahun penubuhannya institut ini telah berjaya melahirkan tenaga pengajar khususnya dalam bidang Al-Quran yang mana mereka telah berkhidmat sebagai guru Al-Quran, pensyarah, imam dan pendakwah yang berwibawa, yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat Islam di Negera Brunei Darussalam (NBD).

Beliau juga turut menasihati para pelajar yang mempelajari dan menghafaz Al-Quran memikul tanggungjawab besar untuk menjaga akhlak dan adab yang mencerminkan keindahan ajaran Islam.

"Tanamkanlah niat yang ikhlas dalam menuntut ilmu, pastikan niat hanya untuk mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, bukan untuk mendapat pujian atau pengiktirafan manusia.

"Jaga hubungan yang baik dengan guru dan rakan. Hormatilah guru sebagai pemberi ilmu dan hargailah rakan sebagai teman dalam perjuangan menuntut ilmu. Sentiasalah berusaha dengan tekun dan konsisten dalam hafalan dan pengulangan. Ingatlah bahawa usaha yang kecil tetapi berterusan akan membawa hasil yang besar," tegas beliau.

Manakala, untuk ibu bapa tambahnya peranan mereka sangat penting dalam memastikan kejayaan anak-anak di sepanjang pengajian. Berikan sokongan moral, semangat dan doa yang tidak putus-putus kepada mereka dan memastikan suasana di rumah menjadi tempat yang kondusif untuk mereka terus mencintai Al-Quran.

"Didiklah anak-anak kitani supaya menjadi insan yang soleh dan berilmu, yang mampu menjadi

penyumbang kepada masyarakat dan NBD yang kita cintai ini," ujarnya lagi.

Majlis juga diserikan dengan tayangan video aktiviti Minggu Ta'aruf pelajar-pelajar baharu dan diikuti dengan penyerahan mushaf Al-Quran kepada pelajar-pelajar baharu oleh tetamu kehormat.

Seterusnya, majlis disusuli bacaan ikrar daripada pelajar-pelajar baharu ITQSHHB Sesi Pengajian 1446H / 2025M yang diketuai oleh Awang Muhammad Azhari bin Ruslani.

Acara diteruskan lagi dengan penyerahan pelajar baharu daripada pihak ibu bapa pelajar yang diwakili oleh Awang Haji Muhammad Syusuandi bin Haji Abu Bakar kepada pihak ITQSHHB yang diwakili oleh Awang Muhammad Nurhanis bin Ismail dan diselanjurkan dengan Pelancaran Aplikasi GenQu Academy yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Sebelum mengakhiri majlis, bacaan Zikir Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrīyyah diketuai oleh pelajar Majlis Perwakilan Pelajar ITQSHHB dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Haji Ubaidillah bin Haji Abdul Mughni.

Terdahulu, Program Minggu Ta'aruf (Orientasi) Bagi Pelajar-pelajar Baharu telah diadakan selama enam hari dari 13 hingga 18 Januari 2025.

Antara aktiviti yang diaturkan sepanjang sesi orientasi tersebut seperti Bengkel Pengenalan Hafazan Al-Quran; Taklimat Mengenai Bahagian Asrama dan Bahagian Perpustakaan serta Tinjauan Bangunan ITQSHHB; Taklimat Pengenalan Bahagian Kaunseling dan Kerjaya; Kem Motivasi dan Kepimpinan; Kelas Al-Quran, Solat Sunat Duha Berjemaah; Malam Cinta Rasul; Hafazan Challenge; Transformasi Huffaz, Taklimat Fire Drill; Etika Pakaian dan Aktiviti Sukan serta Kuliah Subuh.

# IMBASAN MINGGUAN



DUA pemenang bertuah Kempen Ganjaran BIBD Aspirasi 6 dan empat pemenang suku tahunan ketika menyaksikan skrin makluman hadiah di belakang mereka. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

SEORANG pengusaha yang menyertai Bazar Tawakal anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kilanas dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM). - Foto : Azmah Haji Ahad.



SEBAHAGIAN pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab yang menyertai Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam'. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

SEORANG penderma ketika diperiksa tahap kesihatan sempena Kempen Menderma Darah bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

SEBAHAGIAN daripada aksi perlawanan antara Brunei DPMM FC dengan Lion City Sailors (LCS) dalam perlawanan Liga Perdana Singapura (SPL) Musim 2024 / 2025 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



SUASANA pada salah satu booth yang terdapat pada Pesta Pengguna Ke-30 (Consumer Fair 30 - CF30) yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

# PENDUDUK UNDI KETUA KAMPUNG KAWASAN 1, RPN LAMBAK KANAN BAHARU

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**BERAKAS**, Ahad, 19 Januari. - Awang Haji Muhammad Suhaimi bin Haji Ibrahim merupakan calon tunggal yang layak dibawa bagi mengisi kekosongan jawatan Ketua Kampung Kawasan 1, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan, Mukim

Berakas 'B' pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49, di sini.

Pengundian itu menggunakan kaedah kertas undi bermula dari pulak 8.00 hingga 11.00 pagi dan

juga aplikasi mudah alih e-Undi PMKK yang telah bermula pada 17 Januari dan ditutup hari ini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin

Jihan yang juga Ketua Kampung Belimbang, Mukim Kota Batu, selaku Pengerusi Bersama Majlis; wakil dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Mohammad Hazeeq bin Arsalan serta penghulu dan ketua-ketua kampung dari Daerah Brunei dan Muara.

Awang Haji Muhammad Suhaimi, berusia 45 tahun, lulusan GCE Peringkat Biasa dan ketika ini membantu isteri beliau menjalankan perniagaan sendiri.

Daripada 92 penduduk yang telah berdaftar untuk mengundi hanya dua orang sahaja telah mengundi menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK.

Dari jumlah itu, seramai 57 orang bersetuju, enam tidak setuju dan satu undi rosak.

Keputusan pengundian dan pemilihan calon ketua kampung ini akan dikemukakan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung di KHEDN bagi proses selanjutnya.



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir pada majlis tersebut. Juga hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (kiri), manakala gambar atas, antara yang hadir mengundi calon tunggal yang layak dibawa bagi mengisi kekosongan jawatan Ketua Kampung Kawasan 1, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B'.

## Unpreneurs Showcase : Ketengahkan pelajar pamer idea, produk, inovasi

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Unpreneurs Showcase yang julung kali diadakan oleh Pejabat Hab Keusahawanan (atas dan kiri).

E-Hub, Dayang Raihana binti Mohd. Raffi menjelaskan penganjuran Unpreneurs Showcase berkenaan bertujuan untuk mengenal pasti pelajar yang mempunyai potensi dan kebolehlaksanaan dalam perniagaan akan dibimbing untuk mengembangkan perniagaan.

Menurutnya lagi, ia juga berpotensi untuk mewujudkan pemikiran, suasana dan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar UNISSA dan berharap program seperti berkenaan akan menjadi aktiviti tahunan Pejabat Hab Keusahawanan untuk mengenal pasti usahawan muda dalam kalangan pelajar UNISSA.

Justeru, mengambil kira potensi

yang ada pada pelajar UNISSA, Pejabat Hab Keusahawanan juga sudah mula menawarkan program dan aktiviti yang dapat meningkatkan kompetensi keusahawanan pelajar.

Peranan keusahawanan dalam pertumbuhan ekonomi tidak dapat dinafikan sumbangannya. Pendedahan awal kepada belia terutama sekali pelajar di Universiti perlu dilaksanakan agar keusahawanan sentiasa dapat diperkasa untuk persiapan masa depan.

Oleh itu, pameran ini akan menjadi langkah pertama dalam mendorong para usahawan muda untuk yang inovatif dan berdaya saing.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 18 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hab Keusahawanan (E-Hub) mengadakan Majlis Perasmian Unpreneurs Showcase yang julung kali diadakan oleh Pejabat Hab Keusahawanan sebagai platform untuk menampilkan beberapa kumpulan pelajar UNISSA yang mempunyai idea keusahawanan yang inovatif.

Inisiatif berkenaan sangat penting bagi menyokong dan memperkasa usahawan muda, khususnya dalam kalangan pelajar UNISSA.

Antara tujuan pameran berkenaan diadakan adalah bagi

membuka ruang kepada pelajar UNISSA untuk memperkenalkan idea, produk dan inovasi yang mempunyai potensi untuk dikembangkan.

Di samping itu, pameran berkenaan juga diadakan untuk menjalankan peranan Pejabat Hab Keusahawanan UNISSA dalam mewujudkan pemikiran, minat, suasana dan budaya keusahawanan yang kondusif demi memperkasa kebolehan pelajar UNISSA untuk berani memulakan, memiliki dan mengembangkan perniagaan mereka.

Pameran bertemakan 'Memupuk Usahawan Muda untuk Hari Esok yang Lestari'.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dan dihadiri oleh para pegawai-pegawai eksekutif, pegawai-pegawai utama, timbalan-timbalan dekan, pengarah dan jemputan khas.


Seramai 68 pelajar daripada 13 kumpulan turut serta dalam pameran berkenaan yang terdiri daripada beberapa fakulti yang bersatu untuk menampilkan produk masing-masing. Pelbagai idea keusahawanan yang menarik dan inovatif dipamerkan dalam pameran berkenaan.

Dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Ketua Pejabat

# MEMUPUK KESEDARAN MENGENAI BAHAYA DIABETES



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



SEKITAR taklimat kesihatan dan sesi penyampaian hadiah bagi 'UNISSA Virtual Step Challenge' dengan kolaborasi bersama Unit Sukan dan Rekreasi, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNISSA yang diadakan di Auditorium Kampus Gadong, UNISSA (atas dan kiri).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 18 Januari. - Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Badan Pelajar Ekonomi dan Kewangan Islam (iFESS) baru-baru ini mengadakan taklimat kesihatan dan sesi penyampaian hadiah bagi 'UNISSA Virtual Step Challenge' dengan kolaborasi bersama Unit Sukan dan Rekreasi, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNISSA yang diadakan di

Auditorium Kampus Gadong, UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Dekan FEKIm, Dr. Muhammad Zaki bin Haji Zaini@Haji Jaine; dan Dekan Hal Ehwal Pelajar, Dayang Nurhafizatulhikmah binti Haji Serbini serta pensyarah-pensyarah, kakitangan dan mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Aktiviti dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang 'Abdul Matin bin

Amran, ahli Unit Keugamaan iFESS Sesi 2024/2025 dan diikuti dengan kata alu-aluan yang disampaikan oleh Pengurusi iFESS Sesi 2024/2025, Awang Mahmud Ameer Syahmi bin Mahmud Kashfi.

Taklimat kesihatan disampaikan oleh Pegawai Perubatan dari Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Mohd. Akmal Ikrami bin Haji Mohd. Azmi, dengan membawakan tajuk 'Menangani Diabetes Dengan

Senaman dan Langkah Pencegahan Lain'.

Antara tujuan program berkenaan diadakan adalah untuk memberi kesedaran kepada warga UNISSA tentang bahaya diabetes serta mengingati langkah-langkah awal dalam mencegah diabetes. Selain itu, dapat memberikan penggalakan

kepada para peserta untuk lebih aktif dalam mengikuti pertandingan.

Acara berkenaan diakhiri dengan sesi penyerahan cenderamata kepada tetamu undangan majlis dan seterusnya penyampaian hadiah kepada para pemenang 'UNISSA Virtual Step Challenge'.

## Meningkatkan pemahaman, penghargaan terhadap kepelbagaian



SESI bergambar ramai pada aktiviti bersama para pelajar di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan), Kampung Bengkuron.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 18 Januari. - Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Badan Pelajar Ekonomi dan Kewangan Islam (iFESS) baru-baru ini mengadakan aktiviti bersama para pelajar di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan), Kampung Bengkuron.

Aktiviti yang bertemakan 'Together We Thrive : Embrace, Educate, Empower' telah disertai oleh 26 pelajar iFESS bersama Dekan FEKIm, Dr. Muhammad

Zaki bin Haji Zaini@Haji Jaineh serta pensyarah-pensyarah dan kakitangan-kakitangan FEKIm.

Aktiviti dimulakan dengan taklimat yang disampaikan oleh Pengetua Pusat Ehsan, Dayang Nurussa'Adatul binti Saifulbahri.

Antara aktiviti-aktiviti yang disediakan oleh pelajar iFESS kepada semua pelajar Pusat Ehsan adalah seperti aktiviti jual beli, mewarna, bercerita, mengeja, memancing dan menyambung warna.

Para pelajar Pusat Ehsan juga menerima beg hadiah yang disediakan oleh Timbalan Dekan

FEKIm, Dr. Amnisuhailah binti Abrahan.

Antara tujuan aktiviti berkenaan diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar iFESS tentang pelbagai perspektif, pandangan serta meningkatkan pemahaman dan penghargaan terhadap kepelbagaian.

Selain itu, dapat memberi pendedahan kepada para pelajar Pusat Ehsan dalam pelbagai bidang.

Aktiviti berkenaan diakhiri dengan sesi penyerahan cenderamata dan bergambar rama.



## ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERaan AWDA TERBASAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

[bruneiweather](#) [@brunei.weather](#) [Weather Line 114](#) [www.met.gov.bn](#)



## ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

[bruneiweather](#) [@brunei.weather](#) [Weather Line 114](#) [www.met.gov.bn](#)

# KURSUS BANTU JEMAAH LAKSANAKAN HAJI DENGAN TERATUR, SEMPURNA

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland  
Foto : Azmah Haji Ahad



**LAMBAK KANAN**, Ahad, 19 Januari. - Kursus Ibadat Haji dan Umrah diadakan untuk membakal jemaah haji mempelajari, memahami dan meningkatkan pengetahuan mengenai Manasik Haji secara teori dan praktikal agar bakal jemaah dapat melaksanakan ibadat Haji dengan teratur dan sempurna serta menyelaras dan menyeragamkan hukum-hakam berkaitan ilmu Manasik Haji, umrah dan ziarah.

Selain itu, kursus juga antara lain bertujuan untuk memberikan gambaran keadaan terkini di Tanah Suci melalui video klip dan gambar-gambar dikongsikan oleh para pengkursus seperti Masjidilharam di Mekah, Masjid Nabawi di Madinah, Padang Arafah dan Mina.

Jabatan Urusan Haji (JUH) melalui Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah akan mengadakan Kursus Ibadat Haji dan Umrah

khusus bagi bakal jemaah haji yang akan menuaikan ibadat haji pada Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi secara serentak di pusat-pusat kursus yang terpilih di keempat-empat daerah bermula pada 17 Januari dan berakhir pada 16 Februari 2025.

Sesi kedua kursus diteruskan lagi pada hari ini dan sebanyak 10 sesi akan dijalankan pada setiap Jumaat dan Ahad dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 10.30 pagi.

Terdapat tujuh buah pusat kursus yang terpilih di keempat-empat daerah bagi menjalankan kursus tersebut iaitu empat buah di Daerah Brunei dan Muara iaitu Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Ummi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut, Sekolah Ugama Lambak Kanan, Jalan 1, Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah,

SEBAHAGIAN yang hadir pada Kursus Ibadat Haji dan Umrah khusus bagi bakal jemaah haji yang akan menuaikan ibadat haji pada Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi (atas dan atas kiri), sementara gambar bawah, salah seorang pengkursus ibadat haji dan umrah yang dilantik semasa menyampaikan kursus.

Kampung Perpindahan Berakas dan Sekolah Ugama Sungai Besar, Kampung Sungai Besar.

Bagi Daerah Belait, pusat kursus adalah di Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien. Sementara Daerah Tutong, pusat kursus adalah di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, manakala di Daerah Temburong pusat kursus diadakan di Sekolah Arab Temburong.

Kursus tersebut disampaikan oleh para pengkursus ibadat haji dan umrah yang dilantik daripada guru ugama terlatih dan pegawai pelajaran, Jabatan Pengajian Islam; pensyarah daripada Universiti Islam Sultan Sharif Ali; pegawai-pegawai dan imam-imam dari Jabatan Hal Ehwal Masjid; para pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Syariah dan Pusat Da'wah

Islamiah serta Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah bersara dan mempunyai Sijil Tauliah dari Majlis Ugama Islam Brunei.

Sehubungan itu, semua bakal jemaah haji yang terpilih untuk menuaikan ibadat haji bagi Tahun 1446H / 2025M adalah dikehendaki mengikuti Kursus-kursus Ibadat Haji yang telah diaturkan di pusat-pusat yang telah ditetapkan.

Dengan adanya kursus berkenaan, diharap dapat membekalkan bakal jemaah haji dengan ilmu Manasik Haji dan umrah secara betul, teratur dan sempurna dan seterusnya dapat membantu para jemaah mencapai dan mendapat haji yang mabruk.

Bakal jemaah haji juga disarankan untuk mengambil maklum dan perhatian serta mematuhi apa juar dasar dan

peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak berkenaan khususnya kerajaan Arab Saudi. Kursus bagi sesi ketiga akan diteruskan pada Jumaat, 24 Januari 2025.



## Kukuhkan semangat solidariti, patriotik dalam diri penuntut

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Alishahrin Haji Mumin



**TUTONG**, Sabtu, 18 Januari. - Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Cawangan Daerah meneruskan lagi Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Tanjong Maya, hari ini.

Seramai 100 penuntut Tahun 7 menghadiri taklimat yang diadakan di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan. Turut hadir, Timbalan Pengetua Pentadbiran, Dayang Nazifah binti Haji Nawang; Guru Kanan Pentadbiran, Awang Abdul Rahmani bin Haji Jamuddin dan para tenaga pengajar yang lain.

Taklimat disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan,

TAKLIMAT disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Nooramarina binti Haji Mohd. Daud selaku Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Cawangan Penerangan Daerah (kanan). Manakala gambar kiri dan bawah kanan, sekitar taklimat berkenaan.

Dayang Hajah Nooramarina binti Haji Mohd. Daud selaku Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Cawangan Penerangan Daerah yang antara lain menyentuh mengenai raja, sejarah dan tatacara menaik-kibarkan bendera negara serta sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Selain itu, para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi meningkatkan lagi kefahaman tentang taklimat yang disampaikan.

Program ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara. Ia juga diharaskan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.





**INDUSTRI  
KOTEJ**

## Memperkasa diri melalui kreativiti jahitan

Rencana dan Foto : Khartini Hamir

**K**REATIVITI dalam bidang menjahit memang boleh menjadi sumber pendapatan sampingan yang sangat berpotensi.

Menjahit bukan sahaja membolehkan seseorang menghasilkan produk yang unik dan berkualiti, malah ia juga membuka banyak peluang untuk memanfaatkan kemahiran secara komersial. Dengan kemahiran dan kreativiti yang tepat, menjahit dapat menjadi peluang perniagaan yang sangat menguntungkan.

Terdapat beberapa cara kreatif untuk menjadikan aktiviti menjahit sebagai sumber pendapatan sampingan antaranya menjual pakaian khas dengan menawarkan perkhidmatan membuat pakaian custom seperti baju kurung, kebaya atau jubah dengan reka bentuk yang unik dan moden yang tidak terdapat di pasaran.

Pelbagai jenis aksesori lain juga boleh dibuat seperti topi, shawl atau aksesori lain yang boleh dipakai sehari-hari.

### Aksesori jahitan

Pelita Brunei mendekati Dayang Hajah Wati binti Haji Kifli iaitu seorang pereka dan menjahit pakaian wanita, yang telah berkecimpung dalam bidang jahitan selama lebih daripada 20 tahun.

Antara produk beliau yang menjadi tumpuan ialah beg tangan, pouch bag, beg pen dan pensil serta beg tote dan scrunchie hasil buatan sendiri dengan reka bentuk unik yang boleh menarik minat pelanggan yang ingin memiliki aksesori yang unik dan tersendiri.

Beliau dapat menyiapkan hasil produk-produk berkenaan hanya dalam beberapa minit sahaja mengikut ketetapan, cita rasa dan pilihan pelanggan itu sendiri.

Ditanya dari manakah beliau memperoleh bahan, beliau mendapatkannya dari dalam negara dan juga negara jiran, Indonesia.

### Pemasaran melalui media sosial

Melalui perkhidmatan online, beliau bersama rakan sekerja, Dayang Halina binti Haji Duraman menggunakan platform media sosial untuk membina jenama atau halaman di media sosial TikTok untuk mempamerkan hasil kerja jahitan mereka dan ini juga dapat membantu untuk menjangkau lebih banyak pelanggan.

Mereka sering berkongsi pengalaman menjahit mereka melalui tutorial dan tip di Live TikTok dan ini boleh membantu menarik perhatian individu yang berminat dengan bidang jahitan dan mungkin dapat membuka peluang untuk kerjasama, penajaan, penjualan dan tempahan

produk.

Selain itu juga, mereka juga menawarkan perkhidmatan pengubahan (alter) untuk memendekkan atau memanjangkan pakaian, menukar zip atau memperbaiki jahitan yang rosak dan ini adalah perkhidmatan yang sangat diperlukan dalam kalangan masyarakat.

### Idea lain

Dengan memiliki kemahiran dan kreativiti diri juga tidak secara langsung dapat mencetuskan idea lain untuk menghasilkan pelbagai lagi produk kraf tangan yang menarik dan bermanfaat antaranya dengan menghasilkan produk reka bentuk semula (upcycling) iaitu dengan mengambil pakaian lama dan mengubahnya menjadi sesuatu yang baharu dan moden seperti menukar baju lama menjadi pakaian bergaya yang lebih relevan.

Terdapat juga tawaran untuk perkhidmatan menjahit langsir, alas meja, atau sarung kusyen dengan pelbagai corak dan warna serta menjahit perhiasan rumah yang selesa dan estetik yang boleh memberikan keuntungan yang tinggi.

Paling menjadi tumpuan juga ialah menjahit produk kecil untuk cenderahati seperti cenderahati perkahwinan atau majlis khas dengan menawarkan produk kecil seperti beg duit, bantal kecil atau barang

jahitan lain sebagai cenderahati untuk majlis perkahwinan atau acara khas.

Selain memiliki kelebihan dalam bidang menjahit baju, beliau juga memiliki daya kreativiti yang lain dalam menghasilkan pelbagai produk menarik seperti mencetak perekat (sticker) nama di botol-botol minuman, tumbler, cawan dan sebagainya; menghasilkan penanda buku serta pelbagai jenis kerongsang dan keychain.

Memahami pasaran dan mengenal pasti produk atau perkhidmatan yang mempunyai permintaan yang tinggi adalah penting, selain mempromosi produk secara efektif agar ia dapat menarik perhatian pelanggan.

Memiliki kreativiti dalam diri untuk menjana pendapatan membolehkan seseorang menghasilkan idea unik, menawarkan produk atau perkhidmatan yang berbeza daripada yang lain serta memenuhi keperluan pasaran yang berterusan.

Dari situ, awda juga boleh menyertai pameran atau bazar kraf untuk menjual hasil jahitan dan ini memberi peluang untuk bertemu dengan pelanggan secara langsung dan memperkenalkan produk dengan lebih baik.

Dengan kreativiti, individu dapat membuka pelbagai saluran pendapatan, memperkasa diri dengan kelebihan inovasi, dan meraih keuntungan yang berterusan.



# Perkhidmatan mobiliti van mudahkan pergerakan warga emas

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Ihsan 66 Care Services

**M**EMEDULI warga emas memerlukan kesabaran, pemedulian dan juga kasih sayang agar mereka ini tidak berasa dipinggirkan apatah lagi pada usia seperti ini, mereka lebih cenderung sensitif. Di samping itu, terdapat pelbagai kemudahan bagi pihak keluarga untuk menjaga serta memeduli keperluan warga emas ini termasuklah menjaga kesihatannya. 66 Care Services menawarkan perkhidmatan mobiliti van untuk warga emas yang berkerusi roda ataupun tidak, untuk diantar dan diambil dari hospital, klinik-klinik perubatan atau tempat-tempat majlis dengan menggunakan mobiliti van.

Mobiliti van tersebut adalah kendaraan khas yang diubah suai dalamnya seperti mempunyai lif automatik yang membolehkan kerusi roda dimasukkan dan dikeluarkan ke dalam van tersebut dengan mudah tanpa perlu mengangkat warga emas keluar daripada kerusi roda mereka. Apabila warga emas yang berkerusi roda telah dimasukkan ke dalam mobiliti van tersebut, kerusi roda berkenaan akan dikunci (*lock*) di depan dan belakang bagi memastikan kerusi roda tersebut dalam keadaan stabil dan selamat semasa kenderaan bergerak.

Mobiliti van dari 66 Care Services ini boleh menempatkan seorang penumpang berkerusi roda dan lima penumpang lainnya duduk di kerusi penumpang di dalam van tersebut.

Ketua Pemasaran Syarikat 66 Care Services, Awang Haji Tajuddin bin Haji Muhammad semasa ditemu bual antara lain

menjelaskan, perkhidmatan mobiliti van ini akan memasuki tiga tahun perkhidmatannya pada bulan Mac ini nanti. Perkhidmatan mobiliti van ini katanya, mendapat respons yang positif daripada orang ramai.

"Pada mulanya, ilham untuk memiliki mobiliti van ini tercetus semasa arwah ibu saya membuat rawatan di luar negara, secara kebetulan saya ada berhubung dengan salah sebuah syarikat mobiliti di sana yang menawarkan perkhidmatan mobiliti van. Jadi saya pun tertarik dan terfikir untuk mencuba perkhidmatan seperti itu untuk dibawa ke negara ini," ujarnya menjelaskan.

Selepas pulang ke tanah air, kebetulan pada masa itu jelasnya, ada sebuah pembekal kereta menawarkan sebuah unit van dan bermula daripada sana pengendalian perkhidmatan mobiliti van bagi warga emas dijalankan. Tambahnya, pada masa ini mobiliti van dari 66 Care Services hanya ada sebuah sahaja.

Menyentuh mengenai 66 Care Services, beliau menjelaskan syarikat berkenaan merupakan salah sebuah syarikat tempatan yang memberikan perkhidmatan penjagaan kepada warga emas. Sepanjang lima tahun memberikan perkhidmatan tersebut, hampir 200 pelanggan telah menggunakan perkhidmatan dari syarikat tersebut.

Beliau berharap dengan memberikan perkhidmatan mobiliti van mampu meluaskan lagi perkhidmatannya kepada pelanggan, di samping ia memudahkan pergerakan bagi melaksanakan aktiviti atau rutin harian bagi warga emas dalam sama-sama memeduli kesejahteraan warga tersebut.

Menurut Awang Haji Tajuddin, mereka

mempunyai dua sifat perniagaan iaitu selain perkhidmatan mobiliti van, perkhidmatan yang lainnya adalah perkhidmatan *caregiver*. Perkhidmatan ini mengasuh ataupun mendampingi warga emas yang sakit. Perkhidmatan ini telah lama dijalankan.

"Tertubuhnya perkhidmatan *caregiver* adalah berpuncu dan mendapat ilham semasa saya menjaga arwah ibu saya yang sakit dan tidak ada seorang pada ketika itu untuk menjaga beliau dan saya berbincang dengan beberapa kawan saya yang ada di Republik Filipina pada masa itu dan mereka yang memberikan ilham dan daripada sana tercetusnya idea perkhidmatan *caregiver*".

Peranan dan tanggungjawab *caregiver* adalah untuk merawat dan menjaga pesakit secara *one-on-one*. Perkhidmatan *caregiver* atau lebih dikenali sebagai pengasuh adalah mereka yang terdiri daripada orang yang berpengalaman dan jururawat yang biasa memeduli dan menyantuni warga emas. Perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti penjagaan peribadi kepada mereka yang memerlukan bantuan, di samping membantu menjalankan rutin harian selain memantau kesihatan warga emas.

Pada masa ini, kesemua *caregiver* dari syarikat mereka adalah seramai 15 orang yang terdiri daripada rakyat tempatan dan juga dari luar negara, di mana mereka ini mempunyai pengalaman dalam penjagaan kesihatan. Beliau menjelaskan, pada masa ini perkhidmatan penjagaan warga emas ada ditempatkan di beberapa buah hospital antaranya, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Hospital Suri Seri Begawan, Pantai Jerudong Specialist Centre dan

sebagainya.

Di samping itu, beliau juga menjelaskan, anak buah Syarikat 66 Care Services iaitu menyediakan Bengkel Latihan Asas Pekerjaan Pertolongan Cemas, CPR dan AUED (BOFA) dalam program latihan kecekapan penuh dengan modul NOSS. Ia direka khas untuk melatih pekerja biasa atau orang awam untuk menjadi pembantu pertama yang berkelayakan dan terlatih untuk memberikan bantuan dan penjagaan yang cekap kepada orang yang tercedera dan sakit semasa situasi kecemasan. Bengkel berkenaan telah mendapat kelulusan oleh Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA).

Selain itu juga, syarikat tersebut membekalkan dan menyediakan penyelenggaraan bagi Peti Kit Pertolongan Cemas yang tersedia dalam tiga saiz yang berbeza iaitu saiz kecil BND95 (1 - 10 orang); saiz sederhana BND135 (11 - 50 orang); dan saiz besar BND195 (50 orang ke atas).

Syarikat yang ditubuhkan lebih lima tahun ini mempunyai matlamat utama iaitu untuk menangani masalah penjagaan warga emas yang sakit. "Kami insyaaAllah akan memberi perkhidmatan penjagaan yang lebih teratur dan lebih baik kepada warga emas".

Mereka yang ingin mengetahui lebih lanjut boleh melayari laman sosial Instagram @66careservices mengenai perkhidmatan yang disediakan dan bagi yang berkeinginan untuk menempah perkhidmatan dari syarikat tersebut boleh menghubungi terus melalui talian +673 7171882.



# USAHA KE ARAH MENINGKATKAN SUKAN MEMANAH



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Ihsan Pusat Akademi Sukan Memanah Ar-Rafi

**ANKARA, TURKIYE**, Sabtu, 18 Januari. - Pelbagai pandangan dan cadangan baharu diperoleh oleh Pusat Akademi Sukan Memanah Ar-Rafi semasa mengadakan mesyuarat dan latihan selama dua minggu yang bermula pada awal tahun 2025 di Ankara dan Istanbul,

Turkiye.

Kunjungan Pusat Akademi Sukan Memanah Ar-Rafi ke Turkiye dengan sokongan Kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bertujuan untuk mempelajari sukan memanah moden dan meningkatkan lagi

sukan memanah serta berkongsi kebudayaan dalam sukan tradisional.

Di samping itu, untuk mendekatkan lagi bersama Yunus Emre Institute (YEE) serta mengenal lebih lanjut perundangan sistem kelas memanah sebagai usaha membantu KKBS dalam memberikan galakan sukan.



KUNJUNGAN Pusat Akademi Sukan Memanah Ar-Rafi ke Turkiye dengan sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bertujuan untuk mempelajari sukan memanah moden dan meningkatkan lagi sukan memanah serta berkongsi kebudayaan dalam sukan tradisional (atas dan kiri).

Mesyuarat yang diadakan di Kedutaan Negara Brunei Darussalam (NBD) di Ankara itu dihadiri bersama Setiausaha YEE, Zeynep Erturk; Presiden, Pengurus Am Okcular Vakfi Foundation, Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Turkiye, Puan Yang Terutama Dayang Noni Zurainah binti Haji Ismi serta jurulatih-jurulatih memanah moden dan memanah tradisional.

Pada mesyuarat tersebut, pelbagai perbincangan diutarakan menumpukan kepada perkembangan terbaru ke arah memberi lebih banyak laluan bagi perhubungan antara kedua-dua negara dalam bidang kesukanan, kebudayaan dan lain-lain.

Manakala sesi latihan dilaksanakan selama tujuh hari bermula 5 Januari 2025 berlangsung di Istanbul, Turkiye.

## Aktif, produktif ke arah penduduk yang sihat



SESI pemanasan badan senamrobik yang turut dihadiri oleh Pemangku Penghulu Mukim Mentiri pada Acara Senamrobik dan Briskwalk yang bermula di halaman belakang rumah Pemangku Ketua Kampung, Awang Haji Hairul Azri bin Haji Salamat, diikuti dengan Briskwalk sejauh 2 kilometer di sekitar kawasan berkenaan (atas, atas kanan dan bawah kanan).

**PANCHOR MENGKUBAU**, Ahad, 19 Januari. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 5 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mengkubau hari ini mengadakan Acara Senamrobik dan Briskwalk yang bermula di halaman belakang rumah Pemangku Ketua Kampung, Awang Haji Hairul Azri bin Haji Salamat, di sini.

Hadir sama memeriahkan acara tersebut, Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Haji Awang Eddie Hardey bin Haji Ibrahim selaku Ketua Kampung Kawasan 2, RPN

Kampung Panchor, Mengkubau.

Acara dimulakan dengan sesi pemanasan badan senamrobik yang ditunjuk cara oleh Pengiran Omar bin Pengiran Badar, diikuti dengan Briskwalk sejauh 2 kilometer di sekitar kawasan berkenaan.

Tujuan acara tersebut antara lain untuk mengumpulkan Ahli-ahli MPK dalam satu kegiatan selain sebagai pembukaan aktiviti tahun 2025. Selain itu, ia juga merupakan satu usaha MPK dalam membarigakan kepada penduduk kampung akan keaktifan melalui

aktiviti-aktiviti yang disediakan.

Adapun MPK berkenaan juga akan membuat beberapa perancangan bagi tahun ini seperti Bengkel Pembuatan Kek Kukus yang dijangka pada sekitar Februari hadapan yang dibuka kepada yang berminat.

Program kebajikan pada bulan Ramadan juga termasuk dalam kalender tahun ini, selain aktiviti Sukan Ria pada bulan Jun nanti serta dimuatkan dengan lawatan-lawatan bagi para penduduk sama ada dalam dan luar negeri.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Alishahrin Haji Mumin





ePaper Pelita Brunei



## WALKATON KELUARGA RAIKAN ULANG TAHUN KE-60 PENUBUHAN ISB



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Walkaton Keluarga di Taman Mahkota Jubli Emas (kiri dan kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 19 Januari. - Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) menganjurkan Walkaton Keluarga hari ini di Taman Mahkota Jubli Emas, yang menyaksikan lebih 620 peserta menyertai acara bagi meraikan Ulang Tahun Ke-60 ISB.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan acara tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah ISB termasuk Timbalan Pengerusi Lembaga, Nicholas King; Jorge

Francisco Vega; dan Wong Chin Toon serta Pengetua Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif ISB, Dominic Morley dan Pengurus Besar ISB, Vienna Law.

Acara bermula dengan ucapan daripada Dominic Morley yang antara lain mengalungkan para peserta ke Walkaton Keluarga pertama ISB sempena Ulang Tahunnya Ke-60.

Beliau turut menzahirkan perasaan gembira atas kehadiran para peserta pada hari istimewa ini, dengan meraikan kesihatan dan semangat komuniti di tahun baharu ini.

Acara dimulakan dengan sesi

pemanasan badan untuk para peserta yang terdiri daripada Ahli Komuniti ISB, keluarga, rakan-rakan dan alumni.

Kemudian acara diteruskan dengan penyampaian Sijil Pengiktirafan Buku Rekod Kehormat Brunei (Honorary Brunei Book of Records) kepada ISB sebagai sekolah antarabangsa yang pertama dan paling lama diiktiraf secara antarabangsa di Brunei.

Sijil tersebut disampaikan kepada Dominic Morley oleh wakil dari The Brunei Book of Records.

Walkaton dibahagikan kepada dua kategori iaitu 5 kilometer (km) dan 2.5km.

Kedua-dua kategori menyaksikan peserta menempuh laluan di sepanjang kawasan dermaga di ibu negara dan berakhir semula

di Taman Mahkota Jubli Emas.

Para peserta yang berjaya menamatkan kategori masing-masing dianugerahkan pingat di garisan penamat.

Selain itu, hadiah cabutan bertuah turut disampaikan kepada pemenang di penghujung Walkaton.

Tetamu kehormat juga menerima cenderamata penghargaan diikuti dengan sesi bergambar ramai bagi menandakan kejayaan acara tersebut.

Walkaton Keluarga ISB ini yang mendapat sokongan dari Pusat Promosi Kesihatan dan BN on the Move, diadakan untuk memperingati Ulang Tahun Ke-60 ISB, meraikan 60 tahun kecemerlangan akademik inklusif sejak sekolah ini mula ditubuhkan pada tahun 1964.

## Pasukan VJ Mixed Squad -1 juara Kejohanan 9 Sepasukan



Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, ihsan ACHM FT

**SUNGAI KEBUN**, Ahad, 19 Januari. - Pasukan VJ Mixed Squad -1 muncul juara dalam



Kejohanan 9 Sepasukan yang dianjurkan oleh ACHM FT 2025 selepas menewaskan Pasukan

V90'S dengan keputusan 1 - 0 pada perlawangan akhir yang diadakan di Padang Kompleks Sukan Kampung Sungai Asam, hari ini.

Sementara itu, Pasukan V.LEGEND muncul tempat

ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyampaikan hadiah ialah Penghulu Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid.

Sebanyak 16 buah pasukan

PENGHULU Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid hadir selaku tetamu kehormat bagi menyampaikan hadiah kepada pemenang (kiri sekali). Manakala gambar kiri, antara aksi perlawan.

menyertai Kejohanan 9 Sepasukan yang terdiri daripada Pasukan Bola Sepak Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong, Daerah Belait dan Pasukan Bola Sepak Lawas.

Kejohanan selama satu hari ini bertujuan untuk meningkatkan dan mengembangkan lagi sukan bola sepak di negara ini di samping menunjukkan bakat dan pengalaman pemain-pemain bola sepak terutama warga veteran.

Di samping itu, ia juga untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan para pemain bola sepak bersama pengajar kejohanan berkenaan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)